



# PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
2014

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

**HARI RABU : 09 APRIL 2014**

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
(SOALAN NO. 8 HINGGA 76)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 7  
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY [BACHOK]**  
**TARIKH** : **9 APRIL 2014 (RABU)**  
**SOALAN** : **TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah permohonan baja subsidi yang ditolak akibat borang tidak lengkap bagi setiap mukim di Kelantan. Pada bahagian manakah borang yang diisi tidak lengkap dan apakah usaha Kerajaan dalam menangani permasalahan ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kerajaan mempunyai dasar yang jelas dalam pemberian subsidi dan insentif kepada industri padi dan beras di mana semua pengusaha padi di seluruh negara yang berjumlah lebih kurang 288 ribu orang yang melibatkan keluasan kawasan seluas 321,600 hektar layak menerima bantuan tersebut. Berhubung isu pengusaha padi di kawasan negeri Kelantan yang tidak mendapat bantuan baja subsidi, jumlah permohonan yang ditolak adalah sebanyak 75 permohonan. Permohonan mereka tidak dapat diluluskan oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) dan Jawatankuasa Penapis Subsidi Baja Pertubuhan Peladang Kawasan disebabkan borang permohonan tidak lengkap. Kesemua permohonan berkenaan tidak lengkap kerana tidak ditandatangani di bahagian G: iaitu Sokongan daripada Pengerusi JKKK / JKKK(P) / Ketua PPM. Manual Pelaksanaan Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) menetapkan setiap permohonan baru dan pendaftaran sediaada untuk mendapatkan subsidi baja hendaklah disokong dan disahkan oleh Pengerusi JKKK / JKKK(P) dan ia selari dengan Pekeliling Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MoA) Bil. 2/2009 bertarikh 28 April 2009. Kerajaan kini sedang dalam usaha meminda pekeliling tersebut bagi memudahkan proses permohonan baja subsidi tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU  
HASAN [ PARIT ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [ Parit ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah kerajaan akan menyerapkan kakitangan kerajaan yang bekerja secara kontrak kepada lantikan secara tetap khususnya bagi mereka yang telah berkhidmat lebih daripada 3 tahun sepertimana yang telah dipertimbangkan oleh kerajaan terdahulu.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar mengenai pelantikan secara kontrak dalam perkhidmatan awam dijelaskan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 – Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak (*Contract of Service*). Dasar yang berkuat kuasa telah menetapkan bahawa pelantikan kontrak dibuat atas keperluan berikut:

- i. untuk melaksanakan sesuatu tugas atau projek bagi tempoh yang terhad; atau
- ii. melaksanakan tugas bidang kemahiran tertentu melalui jawatan yang diwujudkan secara sementara bagi tujuan pembayaran gaji; atau
- iii. bentuk tugas yang hendak dilaksanakan lebih sesuai dilaksanakan oleh pegawai kontrak seperti perkhidmatan Bakat dan Seni.

Memandangkan pelantikan kontrak adalah bagi tujuan dan tempoh tertentu, Kerajaan tidak meletakkan komitmen pegawai akan dilantik atau diserap ke jawatan tetap. Sebaliknya, adalah menjadi tanggungjawab pegawai lantikan kontrak untuk memohon jawatan secara tetap dengan Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan

berdasarkan kelayakan akademik dan pengalaman yang dimiliki. Pengalaman berkhidmat dengan Kerajaan boleh dijadikan kelebihan berbanding dengan calon lain bagi dipertimbangkan pelantikan secara tetap.

Walau bagaimanapun, dari semasa ke semasa, Kerajaan membantu pegawai lantikan kontrak yang akan menghadiri sesi temu duga bagi tujuan pelantikan secara tetap seperti melalui program "*Coaching*" dan "*Mentoring*" yang disediakan oleh Ketua Perkhidmatan yang berkenaan. Dalam masa yang sama, pegawai juga didedahkan dengan program latihan bagi meningkatkan lagi kompetensi dalam bidang pekerjaan. Program tersebut dan pendedahan berterusan melalui program latihan akan dapat membantu pegawai untuk membuat persediaan semasa melalui temu duga jawatan tetap.

Sekian. Terima Kasih.

**NO. SOALAN: 10**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [ SEGAMBUT ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2014**

**RUJUKAN : 6614**

**SOALAN:**

**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejak tahun 2011 sehingga Februari 2014, berapa suspek yang melibatkan dadah telah ditahan mengikut tahun, bangsa, jantina dan kewarganegaraan, bilangan jenis dadah yang telah dirampas mengikut tahun dan nama jenis dadah dan prosedur Kerajaan melupuskan dadah itu.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Masalah dadah merupakan jenayah yang mengancam keselamatan dan kerharmonian negara. Sehubungan itu pihak PDRM telah menjalankan penguatkuasaan yang agresif dan terancang untuk membentaras jenayah ini. Statistik tangkapan yang mengedar, memiliki dan menyalahgunakan dadah bagi tahun tahun 2011 sehingga tahun 2014 (Januari) adalah seperti berikut:-**

**Tahun 2011 seramai 167,001 orang telah ditangkap yang mana, seramai 11,648 orang ditangkap kerana mengedar dadah, 28,101 orang kerana memiliki dadah dan 127,252 orang kerana penyalahgunaan dadah.**

**Tahun 2012 seramai 171,198 orang telah ditangkap yang mana, seramai 12,386 orang kerana mengedar dadah, 28,244 orang kerana memiliki dan 131,039 kerana penyalahgunaan dadah.**

**Tahun 2013 pula seramai 175,198 orang telah ditangkap yang mana, seramai 13,667 ditangkap kerana mengedar dadah, 31,389 orang memiliki dadah dan seramai 130,142 orang kerana penyalahgunaan dadah.**

**Tahun 2014 sehingga Januari seramai 17,760 orang telah ditangkap yang mana, seramai 1,462 ditangkap kerana mengedar dadah, 3,366 orang memiliki dadah dan 12,932 orang ditangkap kerana penyalahgunaan dadah.**

**Daripada jumlah tangkapan tersebut, pecahan mengikut bangsa dan kewarganegaraan sama ada kerana pengedar, memiliki atau penyalahgunaan dadah adalah seperti berikut:-**

**Bagi tahun 2011, seramai 110,917 orang berbangsa Melayu, 25,055 orang berbangsa Cina, 14,533 orang berbangsa India, 15,344 orang lain-lain bangsa dan 1,162 orang warganegara asing.**

**Manakala tahun 2012 pula, seramai 115,069 orang berbangsa Melayu, 23,540 orang berbangsa Cina, 14,853 orang berbangsa India, 15,315 orang lain-lain bangsa dan 2,872 orang warganegara asing.**

Seterusnya tahun 2013, seramai 120,392 orang berbangsa Melayu, 20,709 orang berbangsa Cina, 15,031 orang berbangsa India, 14,782 orang lain-lain bangsa dan 4,284 orang warganegara asing.

Sementara itu, tahun 2014 sehingga Januari, seramai 12,399 orang berbangsa Melayu, 1,999 orang berbangsa Cina, 1,444 orang berbangsa India, 1,353 orang lain-lain bangsa dan 565 orang warganegara asing.

Nilai rampasan keseluruhan Dadah pada tahun 2011 dianggarkan berjumlah RM 243.32 juta. Pada tahun 2012 berjumlah RM 381.09 Juta. Manakala tahun 2013, berjumlah RM 402.73 juta. Seterusnya pada tahun 2014 (Januari), dianggarkan berjumlah RM 10.44 Juta.

Untuk makluman, prosedur bagi sesuatu barang-barang kes dadah hanya akan dimusnahkan setelah kes selesai bicara di Mahkamah dan atas arahan mahkamah mengikut seksyen 406A atau 407A Kanun Tatacara Jenayah (KTJ). Kaedah pelupusan dadah adalah mengikut Perintah Tetap Ketua Polis Negara D207 di mana Ketua Polis Negeri dimana rampasan dadah itu berlaku akan memberikan kelulusan untuk memusnahkan dadah berkenaan.

**Dalam proses pemusnahan dadah tersebut mesti di hadiri oleh seorang pegawai kanan Polis yang berpangkat sekurang-kurangnya Superitenden dan ke atas bersama (2) saksi daripada daerah di mana ekhibit itu berada. Pegawai ini akan menandakan ekhibit berkenaan dan menandatangani Sijil Musnah bagi setiap ekhibit yang akan dimusnahkan.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' HENRY SUM AGONG [ LAWAS ]**  
**TARIKH : 09.04.2014 (RABU)**

**DATO' HENRY SUM AGONG [ LAWAS ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sama ada program penghantaran barangan subsidi minyak dan keperluan harian ke lokasi-lokasi di luar bandar akan diteruskan dan bilakah KR1M akan diwujudkan di kawasan Parlimen Lawas.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kementerian sedang giat melaksanakan Program Penyeragaman Harga bagi memastikan seramai lebih 4.5juta penduduk di kawasan luar bandar dan pedalaman dapat menikmati barangan bersubsidi seperti tepung gandum kegunaan am, minyak masak, gula, beras ST 15%, gas petroleum cecair (LPG) dan petrol diesel pada harga kawalan.

Mengenai pengujudan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) di Parlimen Lawas, sukacita dimaklumkan bahawa pegawai KPDNKK telah membuat lawatan pada 18 Mac yang lalu dan telah mengenalpasti lokasi yang sesuai untuk dibangunkan KR1M. Kerja ubahsuai premis akan dijalankan dalam masa terdekat dan dijangka akan beroperasi dalam masa 3 hingga 4 bulan lagi. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YB Ahli Parlimen Lawas kerana membantu KPDNKK dalam proses mendapatkan lokasi ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2014**

**RUJUKAN : 6616**

**SOALAN:**

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ SibU ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan Forensik Unit mengikut negeri dan daerahnya. Mengapakah di Sarawak hanya daerah Kuching mempunyai Forensik Unit dan adakah ia mencukupi.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pihak PDRM mempunyai unit Forensik bagi membantu siasatan di tempat kejadian. Unit Forensik ini terdiri daripada tenaga pakar di kalangan pegawai polis yang mempunyai kelulusan ikhtisas sekurang-kurangnya mempunyai ijazah dalam bidang sains. Ketika ini unit berkenaan hanya ditempatkan di Ibu Pejabat Polis Kontinjen sahaja mengikut perjawatan yang diluluskan. Tiada perjawatan yang diluluskan kepada daerah-daerah. Unit berkenaan hanya akan membantu daerah berkenaan apabila unit berkenaan diperlukan. Kementerian sedar bahawa perjawatan dan kekuatan pegawai dan anggota yang diperuntukkan bagi Unit Forensik (D10) JSJ bagi setiap kontinjen perlu ditambah untuk mengimbangi beban tugas yang semakin meningkat ketika ini. KDN akan berusaha untuk menambah perjawatan sedia ada untuk ditempatkan di daerah untuk masa hadapan.**

**Bagi Kontinjen Sarawak, penempatan Unit Forensik (D10) hanyalah di IPK Sarawak dan bukannya di Daerah Kuching. Statistik perjawatan unit Forensik bagi seluruh negara seperti berikut:-**

**PERJAWATAN DAN KEKUATAN PEGAWAI KANAN DAN ANGGOTA  
UNIT FORENSIK (D10) JSJ MENGIKUT KONTINJEN:**

BIL	KONTINJEN	PEGAWAI KANAN		ANGGOTA		JUMLAH KESELURUHAN	
		PERJAWATAN	KEKUATAN	PERJAWATAN	KEKUATAN	PERJAWATAN	KEKUATAN
1.	PERLIS	2	1	8	5	10	6
2.	KEDAH	3	2	10	8	13	10
3.	PULAU PINANG	3	3	12	10	15	13
4.	PERAK	3	3	16	11	19	14
5.	SELANGOR	3	3	22	17	25	20
6.	KUALA LUMPUR	4	3	16	13	20	16
7.	NEG. SEMBILAN	3	1	14	6	17	7
8.	MELAKA	2	2	15	9	17	11
9.	JOHOR	3	4	12	9	15	13
10.	PAHANG	3	3	15	10	18	13
11.	TERENGGANU	3	2	10	8	13	10
12.	KELANTAN	3	2	9	5	12	7
13.	SABAH	2	3	16	14	18	17
14.	SARAWAK	2	2	13	9	15	11
	JUMLAH	39	34	187	133	227	168

NOTA : WARAN PERJAWATAN K63/2013

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [ Lipis ]**

**TARIKH : 9.4.2014**

**SOALAN :**

**Y.B. Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [ Lipis ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kriteria pengambilan dan pemilihan 30 peratus graduan terbaik dalam negara dalam usaha mentransformasikan profesion perguruan untuk menjadikan profesion tersebut lebih berprestij dan elit seperti dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Gelombang 1, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menyatakan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengetatkan syarat kemasukan ke Institut Pendidikan Guru (IPG) dengan sasaran 30 peratus pelajar cemerlang. Bagi merealisasikan hasrat PPPM 2013-2025, calon ambilan guru pelatih IPG akan dipilih dalam kalangan pelajar cemerlang lepasan SPM (tahun semasa) yang disenaraikan oleh Lembaga Peperiksaan KPM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarat dan kriteria pengambilan serta ujian saringan terhadap calon guru ke Institut Pendidikan Guru Kementerian Pendidikan Malaysia, telah ditambahbaik bagi mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda mulai ambilan 2014, iaitu:

1. Syarat Kelayakan Akademik;
2. Syarat Bidang Pengkhususan;
3. Ujian Saringan;
4. Ujian Amali;
5. Skor Merit untuk dipertimbangkan dalam Pemilihan dan Tawaran;
6. Penglibatan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) dalam Pengambilan Calon Guru; dan
7. Lantikan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah oleh SPP (pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan, IPG KPM).

Kolaborasi SPP sebagai 'kuasa melantik' bersama IPG KPM yang merupakan 'kuasa memilih dan melatih' dalam menentukan syarat dan kriteria pemilihan calon guru adalah pendekatan strategik Samudera Biru (*Blue Ocean Strategy*) yang akan memberi impak kepada:

- *Check and balance* antara kemasukan dan keluaran (*entry and exit*) calon yang berkualiti untuk menjadi guru; dan
- Menjimatkan kos atau kewangan kerajaan (temuduga)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN R.SIVARASA

TARIKH: 9 APRIL 2014

SOALAN:

**Tuan R. Sivarasa [ Subang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada Kementerian bersedia menaikkan gaji minimum RM 900 bagi Semenanjung dan RM 800 bagi Sabah dan Sarawak, memandangkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah menyatakan gaji minimum yang dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia adalah masih rendah dibandingkan dengan garis kemiskinan.

PR-1321-L60513

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) pada masa sekarang dalam proses mengkaji semula Perintah Gaji Minimum 2012 seperti mana yang diperuntukkan oleh Akta MPGN 2011 yang menetapkan supaya kajian semula Perintah Gaji Minimum dibuat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 2 tahun.

Sehubungan dengan itu, pandangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, akan dipanjangkan kepada pihak MPGN bagi diperhalusi dan diteliti dalam proses semakan semula Perintah Gaji Minimum 2012.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Segala urusan untuk menaikkan kadar gaji minimum di Sabah dan Sarawak supaya menjadi sama kadarnya dengan Semenanjung Malaysia akan ditimbangkan oleh MPGN dengan mengambilkira indikator ekonomi dan sosial sedia ada.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. Dato Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [ Mukah ]**  
**TARIKH : 9.4.2014**  
**SOALAN :**

**Y.B. Dato Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [ Mukah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Sekolah Kampong Tellian, Mukah tersenarai dalam peruntukan 2014 pembinaan sekolah gantian.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius akan keperluan pembinaan sekolah-sekolah di kawasan pedalaman bagi memastikan kesemua rakyat Malaysia mendapat akses pendidikan yang sewajarnya.

Sehubungan itu, KPM telahpun mengemukakan permohonan peruntukan untuk projek pembinaan Sekolah Kebangsaan Kg Tellian, Mukah, Sarawak dalam *Rolling Plan* Keempat bagi pelaksanaan tahun 2015 kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, kelulusan permohonan ini adalah tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan negara.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]**  
**TARIKH** : **9.4.2014**  
**SOALAN** :

**Y.B. Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah anak-anak Orang Asli yang tercicir daripada arus perdana pendidikan dan nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan anak-anak Orang Asli mendapat pendidikan secara menyeluruh.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memperluaskan akses pendidikan kepada semua murid tanpa mengira bangsa termasuklah murid Orang Asli bagi memastikan masalah keciciran dapat diatasi sebaik mungkin. Untuk makluman, bilangan murid Orang Asli seluruh negara sehingga 31 Januari 2014 ialah 38,874 orang. Pecahan murid Orang Asli mengikut peringkat persekolahan adalah 1,724 murid prasekolah, 26,145 murid sekolah rendah (Tahun 1 hingga Tahun 6) dan 11,005 murid sekolah menengah (Kelas Peralihan hingga Tingkatan 6).

Pelbagai insentif telah diberikan oleh Kerajaan untuk menggalakkan murid-murid pedalaman meneruskan persekolahan mereka. Antaranya ialah menyediakan:

- a. Bantuan Makanan Asrama di sekolah asrama harian.

- b. Bantuan Rancangan Makanan Tambahan (RMT).
- c. Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM).
- d. Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia.
- e. Baucar Buku 1Malaysia.
- f. Insentif berupa Jaket Keselamatan bagi murid-murid yang menggunakan pengangkutan air.
- g. Setiap murid dilindungi oleh Skim Takaful Pelajar Sekolah Malaysia

Antara usaha-usaha serta inisiatif Kementerian menggalakkan murid di pedalaman termasuklah murid Orang Asli dan Penan untuk meneruskan persekolahan mereka ialah seperti berikut :-

- a. Pelaksanaan Program Sekolah Model Khas Komprehensif (K9.)
- b. Program *Outreach* untuk memberi kesedaran kepada ibu bapa tentang kepentingan pendidikan.
- c. Kurikulum Bersepadu Sekolah Murid Orang Asli dan Penan (KAP).
- d. Program Kelas Dewasa Ibu Bapa Murid Orang Asli dan Pribumi (KEDAP).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SERI ONG KA CHUAN**  
**KAWASAN : TANJONG MALIM**  
**TARIKH : 9.4.2014 (RABU)**  
**NO. SOALAN : 17**

**Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah rancangan Kerajaan agar harga kereta dalam negara ini dapat diturunkan kepada satu tahap yang lebih rendah supaya dapat meringankan beban rakyat negara ini dalam memiliki kereta.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Harga kereta adalah ditentukan oleh syarikat-syarikat pengeluar dan pemasang kenderaan berdasarkan faktor pasaran seperti harga komponen CKD yang diimport dan juga diperolehi dari pasaran tempatan, kadar tukaran mata wang asing, kos pengangkutan, insurans, kadar faedah pinjaman dan kos-kos lain.

Oleh yang demikian, Kerajaan terus berbincang dengan syarikat-syarikat pengeluar kereta untuk melaksanakan penurunan harga kereta secara berperingkat selaras dengan janji yang dibuat dalam manifesto PRU-13. Melalui perbincangan ini, beberapa syarikat telahpun mula menurunkan harga kereta melalui strategi pemasaran masing-masing seperti semasa pengenalan model/varian baharu dan juga penukaran operasi daripada pengimportan CBU kepada pemasangan tempatan (CKD).

Selain penurunan harga kereta oleh syarikat pengeluar kereta, Kerajaan melalui Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014 yang diumumkan pada 20 Januari 2014 juga bersetuju untuk mengkaji sistem percukaian ke atas kenderaan sekiranya keadaan kewangan negara bertambah baik untuk turut membantu dalam usaha menepati janji PRU-13 tersebut bagi memastikan rakyat dapat menikmati harga kereta yang lebih rendah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]  
TARIKH : 9 APRIL 2014  
SOALAN :**

**Puan Teo Nie Ching [ Kulai ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tunggakan bayaran pesakit warganegara asing yang menerima rawatan perubatan di hospital-hospital dan fasiliti Kementerian.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Bagi tahun 2013, rekod Kementerian ini menunjukkan jumlah tunggakan bayaran pesakit warganegara asing yang menerima rawatan perubatan di hospital-hospital dan fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah sebanyak RM15.0 juta. Jumlah ini menjadikan tunggakan warganegara asing adalah sebanyak 55.5% daripada jumlah keseluruhan tunggakan hasil di hospital-hospital KKM iaitu sebanyak RM27.1 juta.

Bagi memastikan bil-bil hospital pesakit warganegara asing dapat dikutip, Kementerian ini melalui hospital-hospital KKM sentiasa berusaha melaksanakan dasar-dasar yang telah diwujudkan, menambahbaik *Standard Operating Procedure* (SOP) berhubung kutipan hasil. Selain itu, Kerajaan juga mewajibkan semua pekerja-pekerja warganegara asing dilindungi insuran dibawah Skim Perlindungan Insurans Kesihatan Pekerja Asing (SPIKPA).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH  
[ PUTATAN ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2014**

**SOALAN:**

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan :-**

- (a) dasar kerajaan dengan pengimportan bahan mentah untuk pemprosesan makanan seperti biji koko kering untuk membuat coklat; dan
- (b) mengapakah bahan-bahan mentah ini perlu dikuarantinkan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan membenarkan pengimportan bahan mentah seperti biji koko kering untuk menampung keperluan industri pengisaran tempatan. Bagaimanapun, pengimportan ini adalah tertakluk kepada Permit Import dan disertai dengan Sijil Fitosanitasi, seperti mana yang diperlukan di bawah Akta Kuarantin Tumbuhan 1976. Sijil Fitosanitasi ini juga adalah bertujuan untuk mencegah kemasukan perosak-perosak tumbuhan dari luar negara.
  
- (b) Berhubung dengan keperluan kuarantin, ianya dilaksanakan bagi memastikan sesuatu pengimportan itu tidak membawa risiko kemasukan perosak dan penyakit asing berbahaya ke negara ini. Di samping itu, tempoh kuarantin juga boleh memastikan perkara ini dipatuhi dan tidak menjejaskan sektor perhutanan dan industri pertanian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
[ GOMBAK ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali [ Gombak ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rasional kelewatan Ready-For-Start-Up (RFSU) bagi kompleks penapisan minyak dan petrokimia dalam projek Kompleks Bersepadu Petroleum Pengerang (PIPC) sedangkan sasaran awal PETRONAS adalah pada tahun 2016.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Projek RAPID adalah merupakan sebuah projek penapisan minyak dan petrokimia bersepadu yang amat besar dan kompleks berdasarkan saiznya yang meliputi tapak seluas 6,242 ekar dengan anggaran kos pelaburan berjumlah AS\$16 bilion (RM53 billion) untuk RAPID, manakala kemudahan berkaitan akan membabitkan pelaburan sebanyak AS\$11 bilion (RM36.3 billion). Secara keseluruhan, skop projek ini meliputi :

- i. Loji penapis minyak dengan kapasiti 300,000 tong minyak sehari;
- ii. Naphta cracker dengan kapasiti pengeluaran 3 juta tan setahun bagi produk ethylene, propylene, butane dan C5 olefins;
- iii. Petrochemical complex dan polymer bagi produk khusus yang tinggi seperti propylene dan ethylene oxides derivatives;
- iv. Infrastruktur berkaitan seperti pipelines, tankage, logistics dan warehousing facilities; dan
- v. Terminal regasifikasi LNG.

Pada 3 April 2014, Lembaga Pengarah PETRONAS telah meluluskan Keputusan Akhir Pelaburan (FID) untuk pembangunan Pengerang Integrated Complex (PIC) / Kompleks Bersepadu Pengerang (KBP) di Johor. FID yang diluluskan mengandungi Pembangunan Bersepadu Kilang Penapisan dan Petrokimia (RAPID) berskala dunia dan lain-lain kemudahan berkaitan.

Proses memuktamadkan laporan FID bagi pelaksanaan Projek RAPID memerlukan penelitian dan penganalisaan pelbagai aspek termasuk dari segi anggaran kos sebenar projek, penilaian pasaran produk dan keperluannya. Selain itu, projek ini juga telah menghadapi pelbagai cabaran terutamanya dari aspek kesediaan tapak projek yang melibatkan penempatan semula jumlah penduduk, pemindahan tapak kubur dan kerja menaik taraf infrastruktur yang ketika ini sedang dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri Johor.

Penyerahan tapak projek kepada PETRONAS memainkan peranan penting dalam menentukan tarikh mula operasi loji Penapisan Minyak RAPID. Berdasarkan kepada proses penempatan yang sedang dijalankan, loji tersebut dijangka mula beroperasi pada Januari 2019.

Cabaran-cabaran yang dihadapi tersebut sedang diatasi dengan kerjasama erat antara pihak Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Johor dan PETRONAS bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK IR. DR. WEE KA SIONG  
[AYER HITAM ]**

**TARIKH : 09 APRIL 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini pembangunan industri petroleum di Pengerang Johor yang dikawal selia oleh Johor Petroleum Development Corporation (JPDC). Benarkah FDI telah berundur dari kawasan Pembangunan tersebut.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kemajuan di tapak binaan ialah sebanyak 92% bagi projek Pengerang Deepwater Petroleum Terminal (PDPT) sehingga Februari 2014. Ini melibatkan kerja-kerja pengorekan dan penambakan, kemudahan marin (contohnya pembinaan jeti) dan pembinaan terminal tangki penyimpanan. PDPT dijangka mula beroperasi pada penggal kedua 2014. Pihak PDPT telah pun menandatangani perjanjian kerjasama jangka panjang yang melibatkan peniaga-peniaga minyak antarabangsa dan syarikat minyak multinasional.

RAPID yang juga merupakan pelaburan terbesar pada ketika ini di PIPC meliputi pelaburan sebanyak RM 60 bilion di atas kawasan seluas 6,424 ekar. Projek ini meliputi pembangunan loji penapisan minyak mentah serta kompleks petrokimia. Kerja kerja tanah yang dijalankan di kawasan RAPID telah mencapai kemajuan sebanyak 68% sehingga Februari 2014. Kerja-kerja tanah ini terbahagi kepada 2 fasa iaitu:

- Fasa pertama melibatkan kawasan seluas 3,133 ekar. Kerja-kerja tanah telah bermula pada Oktober 2012 dan dijangka selesai pada Jun 2014.
- Fasa kedua pula meliputi kawasan seluas 3,291 ekar. Kerja-kerja tanah dijadualkan bermula pada April 2014 dan tamat pada Disember 2015

Sehingga kini, beberapa perjanjian persefahaman mahupun kerjasama dengan pelabur luar telah termeterai. Antara pelabur luar yang telah menandatangani perjanjian bersama projek RAPID ialah Evonik, Versalis dan Itouchu.

Kuokuang Petrochemical Technology Company Ltd. yang meliputi komponen cadangan pembangunan sebuah kompleks petrokimia bersepadu terdiri daripada sebuah kilang penapisan minyak mentah dengan pemecah nafta dan loji aromatik di kawasan seluas 4,000 ekar dengan anggaran pelaburan sebanyak RM30 bilion telah berundur daripada kawasan pembangunan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC) atas faktor-faktor ekonomi sepertimana surat rasmi yang dihantar kepada pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor bertarikh 27 September 2013. Keputusan menarik diri adalah berdasarkan dua faktor ekonomi yang telah dikaji oleh pihak pelabur. Faktor-faktor tersebut ialah:

- a) Impak negatif terhadap masa depan projek berdasarkan perkembangan teknologi 'shale gas' serta teknologi pengegasan arang batu.
- b) Pulangan kewangan yang boleh diterima dari projek melalui strategi pemasaran yang optimum atau bahan mentah alternatif dan matriks pengeluaran

Berdasarkan faktor-faktor tersebut, pihak KPTC telah bersetuju untuk menarik diri dari melabur di PIPC.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SEAH LEONG PENG [ TELOK INTAN ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2014**

**RUJUKAN : 6703**

**SOALAN:**

**Tuan Seah Leong Peng [ Telok Intan ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a)apakah langkah atau perancangan yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah remaja India yang banyak terdorong kepada perlakuan jenayah akibat daripada ketidakseimbangan hidup, kemerosotan moral dan pengangguran dan bagaimana kejayaan *Special Implementation Taskforce on Indian Community (SITF)* dalam mengurangkan penglibatan remaja India dalam jenayah; dan
- (b)apakah status terkini penyertaan remaja India dalam pasukan polis atau pasukan keselamatan yang lain.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bagi menjawab soalan (a), antara faktor yang dikaitkan dengan perlakuan jenayah di negara ini yang melibatkan kaum India seperti berikut:-**

**i) Pengaruh Dadah / Minuman Keras.**

**Rangsangan dadah dan alkohol ini menyebabkan penggunaanya hilang kawalan dan menjadi lebih berani. Keberanian ini mendorong kepada perlakuan jenayah seperti membunuh, merompak dan sebagainya. Di samping itu, bagi penagih-penagih tegar, mereka sentiasa perlukan bekalan yang berterusan dan bagi yang tidak mempunyai pekerjaan, mereka rela melakukan jenayah asalkan ketagihan dapat di lepaskan.**

**ii) Pengaruh Negatif media massa.**

**Tidak dapat di sangkal lagi bahawa keterbukaan dalam dunia globalisasi hari ini membuka ruang berlakunya jenayah. Internet begitu berpengaruh kerana sifatnya yang dapat merintangai sempadan negara, sukar di tapis, disekat dan dihalang. Bahan-bahan lucah, unsur ganas, tahyul dan seks bebas akan mewujudkan masyarakat yang semakin rosak dan tidak mustahil remaja akan mencuba aksi ganas dan memberahikan. Akibatnya**

mereka terjerumus seks bebas, sumbang mahram dan sebagainya.

iii) Kejutan Budaya.

Daripada segi ketidakseimbangan antara kaum yang terlibat dengan jenayah adalah disebabkan terdapatnya kejutan budaya dan ingin mendapatkan sesuatu dengan mudah selepas berlaku perpindahan dari kampung, estet-estet ke bandar-bandar besar. Di samping ketidakseimbangan hidup, kemerosotan moral dan pengangguran mendorong kepada perlakuan jenayah.

Pihak Kerajaan menyedari segala punca masalah kepada perlakuan jenayah ini yang melibatkan remaja India dan Kerajaan telah memperkenalkan *Special Implementation Taskforce on Indian Community (SITF)* pada tahun 2010 yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Dalam aspek pencegahan jenayah di kalangan kaum India, SITF akan bekerjasama dengan pihak polis untuk mengurangkan penglibatan remaja India dalam jenayah seperti mengadakan dialog dan juga menggalakkan remaja India menyertai pasukan polis atau pasukan keselamatan lain.

Bagi menjawab soalan (b), pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak PDRM dan NGO untuk menggalakkan penyertaan kaum India menyertai pasukan polis. Perangkaan terkini dalam eksesais pengambilan konstabel dan konstabel sokongan pada tahun 2013 dan 2014 seperti berikut:-

**STATISTIK PERMOHONAN DAN PANGGIL TEMU DUGA  
JAWATAN INSPEKTOR TAHUN 2013/2014**

**JAWATAN INSPEKTOR**

TAHUN 2013/2014	JANTINA	INDIA
PERMOHONAN 2013	LELAKI	676
	WANITA	78
PANGGIL UJIAN FIZIKAL 2014	LELAKI	389
	WANITA	66

**JAWATAN KONSTABEL**

TAHUN 2013/2014	JANTINA	INDIA
PERMOHONAN 2013	LELAKI	1,093
	WANITA	748
SESUAI UJIAN FIZIKAL 2014	LELAKI	283
	WANITA	187
BELUM DI TEMU DUGA	LELAKI	283
TELAH DILANTIK 19/1/2014	WANITA	80

**JAWATAN KONSTABEL SOKONGAN**

TAHUN 2013/2014	JANTINA	INDIA
PERMOHONAN 2013	LELAKI	166
	WANITA	44
PANGGIL TEMU DUGA 2013	LELAKI	38
	WANITA	13
TELAH DILANTIK 30/12/2013	LELAKI	19
TELAH DILANTIK 23/12/2013	WANITA	8

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK AARON AGO ANAK DAGANG  
[ KANOWIT ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2014**

**RUJUKAN : 6613**

**SOALAN:**

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [ Kanowit ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan strategi dan tindakan Kerajaan bagi mengawal kemasukan dadah ke kawasan-kawasan pedalaman di Sarawak.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Masalah dadah merupakan masalah sosial yang boleh mengancam keselamatan dan keharmonian negara. Sehubungan itu Kementerian melalui PDRM telah menjalankan penguatkuasaan undang-undang untuk membanteras masalah tersebut. Kementerian telah merancang beberapa strategi untuk membanteras bekalan dan permintaan dadah dalam negara termasuk di negeri Sarawak seperti berikut:**

- i. Mempertingkatkan pengumpulan maklumat risikan untuk membanteras sindiket pengedaran dadah yang berprofil tinggi;**
- ii. Mempergiatkan tindakan penguatkuasaan/operasi yang memberi impak tinggi dan tangkapan berkualiti (sindiket pengedaran dadah dan makmal haram memproses dadah);**
- iii. Memfokuskan tindakan penguatkuasaan dan pencegahan ke atas *addict cum pusher* untuk membanteras permintaan dadah;**
- iv. Mempertingkatkan dan memperluaskan lagi jaringan kerjasama dengan agensi anti dadah di peringkat antarabangsa dengan bertukar dan berkongsi maklumat risikan untuk membanteras penyeludupan dadah masuk atau keluar negara;**

- v. **Mempertingkatkan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan tempatan seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen, Agensi AntiDadah Kebangsaan dan lain-lain agensi dengan berkongsi maklumat risikan dan melaksanakan operasi secara bersama; dan**
  
- vi. **Memantapkan pemantauan dan penguatkuasaan di pintu-pintu masuk negara termasuk juga di lorong-lorong tikus yang telah dikenalpasti dengan menempatkan Unit Narkotik dan Unit K9 di tempat yang dikenalpasti menjadi laluan masuk pengedar dadah.**

**SOALAN NO.: 24**

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI**  
**KAWASAN : DUNGUN**  
**TARIKH : 9 APRIL 2014, RABU**

**SOALAN:**

**YB. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI (DUNGUN)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah konsesi tol dan keuntungan setiap konsesi dari tahun 2008-2013 yang dihasilkan melalui bayaran tunai, SmartTag dan Touch 'n Go.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mac 2014, terdapat 30 lebuh raya yang sedang beroperasi di negara ini. Daripada 30 syarikat tersebut, bukan semua syarikat konsesi yang mendapat keuntungan sejak mula beroperasi. Keuntungan yang diunjurkan hanya akan dicapai selepas beberapa tahun beroperasi iaitu selepas aliran trafik mencapai tahap matang.

Sebahagian besar daripada hasil tol yang diperolehi oleh syarikat-syarikat konsesi lebuh raya adalah untuk membayar balik pinjaman, pengurusan operasi dan penyenggaraan lebuh raya. Secara ringkasnya, daripada jumlah RM1 kutipan tol, 90 sen adalah untuk bayaran balik pinjaman dan menampung kos operasi dan senggara lebuh raya dan baki 10 sen adalah hasil pemegang saham.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, maklumat berkaitan keuntungan/kerugian syarikat konsesi lebuh raya yang disenaraikan dalam bursa saham, boleh diperolehi daripada Laporan Tahunan syarikat konsesi yang berkenaan. Kerajaan juga telah menambahbaik perjanjian-perjanjian konsesi untuk menangani isu keuntungan berlebihan syarikat-syarikat konsesi lebuh raya. Antara klausa-klausa yang telah diperkenalkan adalah seperti klausa *Toll Review* (di mana kenaikan tol adalah tidak automatik), penamatan awal perjanjian konsesi berdasarkan kajian keuntungan syarikat (IRR) dan juga perkongsian hasil tol di antara Kerajaan dan syarikat konsesi lebuh raya.

Sekian. Terima kasih.

**SOALAN NO. : 25**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIANG TECK MENG [ SIMPANG RENGAM ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**Tuan Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan program/aktiviti yang telah dan sedang dijalankan untuk mengurangkan '*carbon footprint*' sepertimana yang dijanjikan oleh Perdana Menteri dalam Deklarasi Copenhagen.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2009 di Copenhagen, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Malaysia akan mengambil indikator sukarela bersyarat (*Conditional Voluntary Indicator*), untuk mengurangkan intensiti karbon berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (*GDP*) sehingga 40% menjelang tahun 2020 di *Conference of the Parties (COP) ke 15, United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCCC)*. Semenjak pengumuman tersebut, Malaysia telah melaksanakan aktiviti mitigasi untuk mengurangkan ke arah mencapai indikator tersebut.

Pada tahun 2013, Malaysia telah berjaya mencapai sasaran pengurangan intensiti pelepasan sebanyak 31.58% ke arah sasaran tersebut. Tahap pengurangan ini telah dicapai melalui pelaksanaan beberapa program dan aktiviti di sektor awam dan sektor swasta termasuk:

- (i) Penggunaan sisa industri kayu dan sawit sebagai bahan api menggantikan bahan api fosil;
- (ii) Pelaksanaan aktiviti-aktiviti di bawah program *Feed-in Tariff (FIT) Malaysia*;
- (iii) Pengitaran semula sisa pepejal logam dan organik;

- (iv) Penggunaan Bio-diesel di dalam Program B-5;
- (v) Pelaksanaan program teksi dan kenderaan NGV;
- (vi) Penggunaan kenderaan *hybrid*;
- (vii) Pelaksanaan Program Green Building Index (GBI) bagi mempertingkatkan kecekapan tenaga bangunan; dan
- (viii) Pelaksanaan program MYCarbon, yang merupakan *Voluntary National Corporate Greenhouse Gas Reporting Programme* bagi Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB LAKSMANA PERTAMA  
MOHAMAD IMRAN BIN  
ABD HAMID (B)  
(LUMUT)**

**TARIKH : 09.04.2014  
(RABU)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan sebab-sebab sebenar kematian warga Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM) di Pulau Layang-Layang yang dilaporkan lemas tetapi tetap terdapat kesan-kesan lebam pada jenazah ini dan ini menyebabkan terdapat persepsi lain akan sebab kematian mangsa.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di Pertua,**

**Kes kematian warga Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM)  
di Pulau Layang-Layang masih dalam siasatan pihak polis.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK BUNG MOKTAR BIN  
RADIN [KINABATANGAN]**

**TARIKH : 9 APRIL 2014 (RABU)**

**SOALAN : 27**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA menyatakan:-**

- (a). Apakah usaha Kerajaan dalam meliberalisasikan penggunaan satelit Kerajaan oleh televisyen berbayar; dan
- (b). Adakah Kementerian bercadang untuk tidak memperbaharui lesen secara eksklusif kepada stesen berbayar ASTRO

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kerajaan masih belum mempunyai rancangan untuk melancarkan satelit bagi tujuan penyiaran. Oleh yang demikian, isu penggunaan satelit Kerajaan oleh televisyen berbayar adalah tidak relevan.

Measat Broadcast Network Systems (Malaysia) Sdn Bhd (MBNS) merupakan syarikat yang menyediakan perkhidmatan penyiaran televisyen berbayar – ASTRO, telah diberikan hak eksklusif

penyiaran oleh Kerajaan pada tahun 1997. Ia berlaku sebelum Lesen Penyiaran di bawah Akta Penyiaran 1988 MBNS berhijrah ke rejim baru di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 98). Oleh itu, sebarang permohonan perkhidmatan televisyen melalui satelit terus ke pengguna (secara berbayar mahupun percuma) tidak akan diterima sehingga hak eksklusif penyiaran melalui MBNS tamat.

Berasaskan prinsip kedudukan "*no worse off*" semasa penghijrahan Lesen Penyiaran kepada Lesen Individu Pemberi Perkhidmatan Aplikasi Kandungan, Kerajaan Malaysia telah mengekalkan hak eksklusif bagi penyiaran melalui satelit sehingga 28 Februari 2017.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN  
[ SEPANG ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2014**

**RUJUKAN : 6612**

**SOALAN:**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [ Sepang ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) bilakah majlis pecah tanah pembinaan balai polis di Putra Perdana di tapaknya di sebelah masjid Putra Perdana akan diadakan; dan
- (b) bila pula kerja-kerja pembinaan balai polis tersebut akan dimulakan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Balai Polis Putra Perdana ini telah disewa oleh pihak pemaju perumahan bagi PDRM daripada pemilik persendirian di sebuah rumah kedai Lot 1326 Taman Putra Perdana sejak tahun 2003. Disebabkan pemilik rumah kedai menaikkan sewaan baru yang tinggi mengikut kadar semasa pada tahun 2013 dan pihak pemaju tidak berkemampuan membayar sewaan tersebut, maka pihak pemilik meminta PDRM mengosongkan premis sewaan tersebut. Premis rumah kedai tersebut juga didapati tidak mempunyai Sijil Kelayakan Menduduki (CF).

Sehubungan dengan itu PDRM telah mengenalpasti Pondok Polis Putra Prima yang terletak 7 km daripada balai polis sedia ada bagi menumpang buat sementara waktu. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak menutup Balai Polis Putra Perdana. Balai Polis tersebut masih beroperasi dan menjalankan tugas menjaga keselamatan dan ketenteraman kepada kawasan penduduk terbabit. Dalam hal ini, sebuah balai Polis baru akan dipohon di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) bagi penduduk di Putra Perdana. Walau bagaimanapun, pihak PDRM bersama-sama dengan Kementerian Dalam Negeri sentiasa memantau perkembangan di kawasan tersebut dari semasa ke semasa dan tindakan sewajarnya akan diambil sekiranya terdapat keperluan untuk membina sebuah balai polis khusus di kawasan tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK CHUA TEE YONG  
(LABIS)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 09.04.2014**

**Y.B. DATUK CHUA TEE YONG [ LABIS ]** minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan berapa banyak pelaburan telah dilabur oleh syarikat pengendali dalam sistem penguatkuasaan automatik (AES) serta berapa besar jumlah pampasannya sekiranya Kerajaan mahu mengambil alih AES.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan masih dalam proses rundingan dengan kedua-dua syarikat pengendali AES bagi tujuan

pengambilan alih program AES daripada dua syarikat terlibat. Memandangkan proses pengambilan alih AES masih dalam peringkat rundingan, sebarang bentuk maklumat berkaitan termasuk nilai pelaburan dan amaun pampasan merupakan maklumat sulit dan terperingkat. Ini penting dipatuhi bagi memelihara kepentingan pihak-pihak yang terlibat dengan rundingan berkenaan. Selain itu, Kerajaan telah menzahirkan komitmen agar pengambilan alih pelaksanaan AES dilakukan secara teratur, berhemah dan berintegriti supaya syarikat tidak memperolehi keuntungan yang berlebihan di samping tidak membebankan kewangan kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR  
KUCHING ]**

**TARIKH : 09.04.2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah hasil daripada siasatan yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) atas dakwaan rasuah mengenai Ketua Menteri Sarawak, Taib Mahmud.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Peraturan 36(8) Mesyuarat Dewan Rakyat ada menyatakan bahawa kelakuan atau sifat Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri tidak boleh disebut kecuali dikeluarkan usul bersendirian bagi maksud itu. Untuk maklumat YB Berhormat juga, isu ini telah pun dijawab oleh YB Timbalan Menteri semasa penggulungan Titah Diraja bertarikh 27 Mac 2014.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ANYI NGAU  
[ BARAM ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**Tuan Anyi Ngau [ Baram ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah bentuk bantuan yang telah, sedang dan akan disumbangkan oleh Kerajaan Pusat kepada mangsa banjir di Sarawak khususnya di kawasan pedalaman seperti di Baram.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai Kerajaan yang prihatin kepada rakyat yang ditimpa musibah seperti banjir, bantuan-bantuan yang berkaitan telah disampaikan kepada mangsa-mangsa yang layak menerima. Sebagai contoh, bantuan wang ihsan RM500 yang diberikan kepada setiap ketua isi rumah yang terjejas akibat banjir. Untuk makluman Dewan, jumlah penerima bantuan wang ihsan di Negeri Sarawak bagi episod banjir 2013-2014 adalah seramai 2,764 ketua isi rumah.

Mengenai kawasan di Baram, senarai nama mangsa baru diselesaikan dan akan dimuktamadkan dan bayaran akan dibuat dengan secepat mungkin.

Bantuan ini merupakan ihsan daripada Kerajaan dan ia bukanlah merupakan bayaran pampasan ke atas kerugian yang dialami oleh mangsa banjir. Bantuan ini adalah sebagai usaha dan keprihatinan Kerajaan dalam meringankan beban mangsa banjir.

Sekian. Terima kasih.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YBM. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH**  
**KAWASAN : KUALA TERENGGANU**  
**TARIKH : 9 APRIL 2014, RABU**

**SOALAN:**

**YB. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH (KUALA TERENGGANU)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan maklumat terkini bilakah Lebuh Raya Kuantan ke Kuala Terengganu akan disiapkan keseluruhannya dan apakah perbandingan kos keseluruhan projek tersebut jika dibandingkan dengan kos projek asal terdahulu.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mac 2014 kemajuan fizikal keseluruhan projek Lebuhraya Pantai Timur, Fasa 2 (LPT2) di Terengganu ialah 93%.

Pada masa kini 104km dari 184km jarak keseluruhan LPT2 telah siap dan dibuka kepada pengguna, iaitu melibatkan laluan dari persimpangan Kuala Terengganu – Bukit Besi – Paka. Manakala baki laluan LPT2 yang masih belum disiapkan – iaitu melibatkan 3 pakej dari Jabor ke Paka sepanjang 80km - dijangka akan siap dan dibuka kepada lalu lintas pada bulan September 2014 ini. Jumlah terkini kos keseluruhan projek LPT2 ini ialah sebanyak RM4.25 bilion berbanding kos asal projek, iaitu RM3.6 bilion.

Pertambahan kos ini antara lain ialah disebabkan oleh kenaikan harga bahan binaan di pasaran dunia pada tahun 2006/2007 sehingga mengakibatkan 10 daripada 16 pakej projek LPT2 ini terpaksa ditender semula akibat ketidakmampuan kontraktor asal untuk meneruskan kontrak walaupun setelah semakan semula harga (VOP) diluluskan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. Datuk Johari bin Abdul  
Ghani [ TITIWANGSA ]**

**TARIKH : 09.04.2014 (RABU)**

**NO. SOALAN : 33**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan apakah kriteria atau syarat yang  
dikenakan oleh pihak MARA dalam meluluskan atau  
menolak permohonan penajaan pelajar ke luar negara.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

MARA menyediakan pinjaman pelajaran ke luar negara bagi pelajar cemerlang berdasarkan syarat dan peraturan semasa. Peluang pelajar untuk menyambung pengajian ke luar negara merupakan hadiah kecemerlangan. Oleh itu pelajar yang layak akan ditapis berdasarkan ciri-ciri kecemerlangan seperti berikut:

- Pelajar mesti mencapai syarat kelayakan akademik yang ditetapkan iaitu CGPA 3.75 atau setara dengannya, mempunyai sahsiah dan nilai keperibadian yang tinggi, mempunyai ciri-ciri kepemimpinan dan akhir sekali pelajar juga menunjukkan ciri-ciri keusahawanan.

Penentuan ciri-ciri di atas adalah menepati peranan MARA sebagai agensi utama untuk pembangunan modal insan dan keusahawanan.

**SOALAN NO: 34**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ

TARIKH: 9 APRIL 2014

SOALAN:

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sebabnya kematian 3 orang pekerja Nepal di kilang Besgrade Product di Jabi, Kedah pada bulan Disember 2013 dan Januari 2014. Adakah Menteri sedar pekerja Nepal mengadu bahawa pihak majikan telah telah membawa masuk beberapa guni botol arak kosong ke hostel mereka selepas kejadian itu.

PR-1321-L60738

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (JKKP) telah menjalankan siasatan pemeriksaan tapak di kilang Bestgrade Product Sdn. Bhd. pada 13 Januari 2014 dan mendapati 3 orang pekerja Nepal telah meninggal dunia. Punca kematian ketiga-tiga pekerja tersebut tidak dapat dikaitkan dengan hazard di tempat kerja kerana persekitaran kerja mereka tiada pendedahan pada bahaya apa-apa bahan kimia

yang boleh menyebabkan kematian secara tiba-tiba. Mangsa-mangsa tersebut hanya bekerja di kawasan pemotongan kayu dan ketika kejadian mangsa-mangsa berada di rumah kongsi masing-masing. Punca sebenar kematian bergantung kepada laporan bedah siasat dan laporan toksikologi daripada Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah.

Tuan Yang Di Pertua,

2. Di samping itu, siasatan oleh pegawai Jabatan Tenaga Kerja Kedah mendapati syarikat mempunyai polisi melarang semua pekerja membawa masuk minuman keras ke asrama pekerja. Walau bagaimanapun, syarikat ini tidak mempunyai keupayaan untuk mengawal tindakan pekerja-pekerja asing membawa masuk minuman keras secara sembunyi-sembunyi. Syarikat menafikan membawa masuk minuman keras ke asrama pekerja asing selepas kejadian atas apa jua alasan.

3. Kementerian ini masih menunggu laporan bedah siasat dan laporan toksikologi tersebut.

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN  
[PADANG BESAR]**

**TARIKH : 9 APRIL 2014**

**SOALAN:**

**Y.B. Datuk Zahidi bin Zainul Abidin minta PERDANA MENTERI menyatakan:**

- a) apakah langkah-langkah yang diambil bagi memastikan rumah penyembelihan ayam dan pembekalan kepada pasaran di negara ini mengikut syarak bagi memastikan umat Islam mendapat bekalan ayam yang benar-benar HALAL; dan
- b) berapa buah penyembelihan ayam dimiliki oleh Pengusaha Bumiputera Muslim di negeri Perlis, khususnya di Padang Besar.

**JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang berhormat, rumah sembelihan merupakan salah satu daripada skim pensijilan halal di bawah MS1500:2009. Bagi memastikan rumah penyembelihan ayam melakukan penyembelihan halal dan mengikut hukum syarak, kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)/ Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:
- i. Pemakaian Standard Halal Malaysia MS1500:2009 yang memberikan garis panduan terhadap pengendalian produk makanan termasuk sembelihan merangkumi tanggungjawab pengurusan, premis, peralatan, mesin dan alat bantuan, kebersihan dan keselamatan makanan, proses makanan halal (sumber, sembelihan, pengendalian, pengedaran dan penyediaan, penyimpanan, pengangkutan, penjualan dan penyediaan makanan halal dan pembungkusan, pelabelan serta pengiklanan.
  - ii. Pengeluaran Sijil Pengesahan Halal Malaysia hanya kepada pengusaha rumah sembelihan yang mematuhi Prosedur

Pensijilan Halal Malaysia dan MS1500:2009. Antara syarat-syaratnya ialah:

- mempunyai lesen perniagaan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan;
  - menubuhkan Jawatankuasa Halal Dalamann yang dipengerusikan oleh seorang Muslim warganegara tempatan dan jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk memastikan keperluan halal dipatuhi pada setiap masa;
  - melantik seorang Eksekutif Halal beragama Islam warganegara tempatan yang bertanggungjawab untuk memastikan keperluan halal dipatuhi pada setiap masa;
  - melantik penyembelih yang memiliki Tauliah Sembelihan daripada Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN);
  - melantik pemeriksa (*checker*) yang memiliki Tauliah Sembelihan yang bertanggungjawab memastikan proses sembelih menepati syarak; dan
  - mematuhi semua keperluan yang digariskan dalam MS1500:2009
- ii. Pengendalian Kursus Sembelihan dan pengeluaran Tauliah Sembelih oleh JAIN kepada penyembelih yang berkhidmat dengan mana-mana rumah sembelihan di negara ini.

- iii. Pemantauan dan penguatkuasaan secara berkala atau berdasarkan aduan mengenai rumah sembelihan yang telah disahkan halal/ pasar terbuka dibuat bagi memastikan proses sembelihan ayam dilaksanakan mengikut syarak dan undang-undang yang berkuatkuasa. Pemantauan ini dilaksanakan oleh JAKIM dengan kerjasama JAIN, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), pihak berkuasa tempatan dan agensi berkaitan
  
  - iv. Pelaksanaan Sistem Pengurusan Jaminan Halal diwajibkan oleh JAKIM dan perlu dipatuhi pada setiap masa di bawah pemantauan Jawatankuasa Halal Dalam syarikat.
- (b) Jumlah rumah sembelihan ayam yang berdaftar di dalam rekod JAKIM di bawah milikan Bumiputera di negeri Perlis hanya satu iaitu Asitah binti Darus yang beralamat di 10-A Kawasan Pasar Borong Kg. Bakau, 01000 Kangar, Perlis dan tarikh sah Sijil Pengesahan Halal Malaysia ialah 15 Ogos.2012 hingga 14 Ogos.2014.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. Tuan Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]**  
**TARIKH** : **9.4.2014**  
**SOALAN** :

**Y.B. Tuan Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kepada Dewan bilangan aduan buli di sekolah-sekolah di negara ini pada 5 tahun yang lepas dan langkah-langkah yang diambil untuk mengelakkan gejala ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memandang serius terhadap kes buli yang berlaku di sekolah-sekolah. Sehubungan itu, Kementerian telah mengeluarkan **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 8/2010 : Garis Panduan Mencegah Dan Menangani Perbuatan Buli Dalam Kalangan Murid Di Sekolah**. Dalam tempoh 5 tahun (2009 – 2013) purata setahun kes buli melibatkan murid sekolah rendah dan menengah adalah seramai 2,702 (0.05 %) orang. Antara langkah-langkah pencegahan yang telah dilaksanakan oleh KPM termasuklah;

- a) Mengadakan peti aduan murid atau saluran-saluran aduan murid secara berkesan di sekolah dan asrama;

- b) Menghapuskan budaya-budaya tertentu oleh murid yang berlawanan dengan prinsip-prinsip pendidikan, akhlak dan usaha memupuk budi pekerti yang baik dalam kalangan murid sekolah;
- c) Melaksanakan aktiviti suai kenal terhadap murid baru, yang berada di bawah kawalan guru sepenuhnya; dan
- d) Mengadakan kempen dan penjelasan terhadap perbuatan buli secara berterusan dan melibatkan pihak luar seperti PDRM, PIBG dan pihak-pihak lain yang berkaitan.
- e) Memupuk budaya sekolah penyayang.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. Puan Hajah Normala binti Abdul Samad**  
**[ Pasir Gudang ]**  
**TARIKH** : **9.4.2014**  
**SOALAN** :

**Y.B. Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan penambahbaikan yang telah dan akan dibuat dalam Sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bagi menangani masalah bebanan tambahan guru-guru.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti pengumuman yang telah dibuat, penambahbaikan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dilaksanakan mulai 1 April 2014 berikutan hasil kajian semula PBS yang melibatkan pelbagai pihak *stakeholder*. Antara penambahbaikan yang akan dilakukan ialah:

- i. Menggantikan penggunaan Dokumen Standard Prestasi (DSP) dengan Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid. Guru juga tidak perlu menyediakan Fail Perkembangan Murid (FPM) dan melengkapkan Rekod Transit. Perekodan perkembangan pembelajaran murid boleh dilakukan mengikut kesesuaian guru;

- ii. Bagi memastikan guru memberi fokus terhadap pengajaran dan pembelajaran, guru tidak perlu lagi mengisi data penguasaan murid menerusi SPPBS secara on line seperti sebelum ini. Guru boleh merekodkan perkembangan pembelajaran murid secara offline. Pihak sekolah akan mengadakan ujian bulanan, peperiksaan pertengahan tahun atau peperiksaan akhir tahun sekolah yang dapat memberi gambaran kepada ibu bapa tentang tahap pencapaian anak mereka. Guru akan menyediakan pelaporan perkembangan pembelajaran murid untuk memaklumkan kepada ibu bapa; dan
- iii. Penilaian Menengah Rendah (PMR) di Tingkatan 3 akan digantikan dengan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3). Ini bermakna tiada peperiksaan berpusat untuk pelajar Tingkatan 3. Melalui pentaksiran, pihak sekolah akan mentadbir, mentaksir dan memberi skor terhadap pentaksiran tersebut berpandukan instrumen dan panduan peraturan penskoran yang setara (standardised) yang disediakan oleh pihak Lembaga Peperiksaan (LP). Pentaksir luar yang dilantik oleh LP akan melaksanakan verifikasi dan LP akan melaksanakan moderasi sebelum pelaporan dikeluarkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan PBS yang telah ditambah baik ini dapat dilaksanakan dengan berkesan, KPM akan mengadakan taklimat secara terperinci tentang konsep dan pelaksanaannya kepada pegawai-pegawai di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, pentadbir dan guru-guru. KPM juga akan mengadakan latihan supaya guru memahami konsep pentaksiran dan mengamalkannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta meningkatkan kemahiran guru memeriksa jawapan murid.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. LEE BOON CHYE  
(GOPENG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 09.04.2014**

**Y.B. DR. LEE BOON CHYE [ GOPENG ]** minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan setakat manakah Kerajaan memantau dan mengurangkan kegiatan ekonomi pasaran gelap.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada umumnya, pasaran gelap merujuk kepada kegiatan perdagangan barangan dan perkhidmatan yang tidak sah yang melibatkan

antaranya kegiatan penyeludupan, aktiviti penipuan cukai serta jenayah perdagangan, termasuk membuat pengisytiharan palsu dan aliran keluar kewangan haram.

Untuk makluman Berhormat, Kerajaan sentiasa memandang serius terhadap kegiatan yang melanggar undang-undang dan peraturan negara. Sehubungan itu, antara inisiatif untuk yang telah diambil untuk memantau dan mengurangkan kegiatan ekonomi pasaran gelap ini adalah memasang mesin pengimbas di pintu masuk negara untuk membendung daripada kegiatan penyeludupan, meningkatkan usaha sama antara agensi bagi membanteras dan mencegah penyeludupan di sepanjang sempadan, seperti penubuhan *Unit Pencegah Penyeludupan (UPP)*, serta mengambil tindakan terhadap entiti perniagaan dan individu yang mengelak cukai Kastam, khususnya dalam kes pemalsuan inwois eksport dan import barangan.

Selain itu, Kerajaan juga telah mengambil beberapa langkah bagi mencegah aliran keluar kewangan haram. Antaranya termasuk;

1. Penubuhan Pasukan Petugas Khas Pelbagai Agensi Peringkat Tinggi pada 2010,
2. Menguatkuasa Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 pada 1 Disember 2011, dan
3. Melese semula semua perniagaan perkhidmatan wang yang telah selesai dijalankan pada tahun 2012 dan mengurangkan bilangan pengurup wang daripada 839 kepada 511.

Pada masa hadapan, kegiatan ekonomi pasaran gelap ini juga boleh diatasi dengan pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) yang memerlukan pelaporan nilai ditambah pada pelbagai peringkat pengeluaran. Selain itu, Kerajaan juga akan menambah baik penguatkuasaan sedia ada serta meningkatkan kemahiran dan integriti pegawai di jabatan dan agensi yang berkaitan bagi mengurangkan peratusan kegiatan ekonomi pasaran gelap ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Ekonomi Malaysia tidak dipengaruhi oleh kegiatan ekonomi pasaran

gelap, malahan, pertumbuhan ekonomi negara kini terus berkembang disokong oleh asas makroekonomi yang kukuh. Sumber pertumbuhan ekonomi juga telah menjadi lebih pelbagai dan seimbang dalam semua sektor ekonomi dan disokong oleh kepelbagaian rakan perdagangan. Sementara itu, sektor kewangan yang berdaya tahan dan sistem perbankan yang kukuh serta perundangan yang lebih teguh dapat menyokong usaha mencegah aktiviti ekonomi pasaran gelap ini agar tidak berlarutan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. Dato' Sri Liow Tiong Lai [ Bentong ]**  
**TARIKH : 9.4.2014**  
**SOALAN :**

**Y.B. Dato' Sri Liow Tiong Lai [ Bentong ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai garis panduan untuk penetapan kos pengajian di universiti swasta dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian terhadap kos pengajian yang tinggi dan semakin meningkat di universiti dan kolej swasta dalam negara kita.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha ke arah mengawal selia institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) supaya mampu memberikan perkhidmatan pendidikan tinggi yang berkualiti dengan yuran yang berpatutan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua IPTS yang ditubuhkan di negara ini dikawal selia dan ditadbir urus mengikut Akta Pendidikan Swasta 1996 (Akta 555) termasuklah kadar yuran yang dikenakan oleh IPTS kepada pelajar-pelajarnya.

Kelulusan yuran sesebuah program itu adalah berdasarkan kepada permohonan yang telah dikemukakan oleh IPTS tersebut dengan mengambil kira jenis

program, infrastruktur, fasiliti untuk pengajaran dan pembelajaran, bidang dan jenis pengajian serta mengikut pasaran semasa.

Sesebuah IPTS tidak dibenarkan mengenakan yuran kepada pelajar melebihi dari kadar yang telah diluluskan oleh KPM. Jika didapati ada IPTS mengenakan yuran lebih daripada yang diluluskan, maka IPTS tersebut telah menyalahi Seksyen 40 (1) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 40 (2) akta yang sama di mana IPTS boleh didenda tidak melebihi RM 50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya.

Rjm133

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah**  
**[ Kubang Kerian ]**  
**TARIKH** : **9.4.2014**  
**SOALAN** :

**Y.B. Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan banyak laporan media dibuat berkenaan kes-kes buli dan gengsterisme di peringkat sekolah dan ia agak membimbangkan selepas ada yang mengalami kecederaan hingga ke peringkat yang parah. Apakah usaha Kementerian untuk memastikan sekolah-sekolah di negara ini berada dalam suasana yang kondusif dan keselamatan pelajar serta warga pendidik sentiasa terjamin.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memandang serius terhadap kes buli yang berlaku di sekolah-sekolah. Sehubungan itu, Kementerian telah mengeluarkan **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 8/2010 : Garis Panduan Mencegah Dan Menangani Perbuatan Buli Dalam Kalangan Murid Di Sekolah**. Dalam tempoh 5 tahun (2009 – 2013) purata setahun kes buli melibatkan murid sekolah rendah dan menengah adalah seramai 2,702 (0.05 %) orang. Antara langkah-langkah pencegahan yang telah dilaksanakan oleh KPM termasuklah;

- a) Mengadakan peti aduan murid atau saluran-saluran aduan murid secara berkesan di sekolah dan asrama;
- b) Menghapuskan budaya-budaya tertentu oleh murid yang berlawanan dengan prinsip-prinsip pendidikan, akhlak dan usaha memupuk budi pekerti yang baik dalam kalangan murid sekolah;
- c) Melaksanakan aktiviti suai kenal terhadap murid baru, yang berada di bawah kawalan guru sepenuhnya; dan
- d) Mengadakan kempen dan penjelasan terhadap perbuatan buli secara berterusan dan melibatkan pihak luar seperti PDRM, PIBG dan pihak-pihak lain yang berkaitan.
- e) Memupuk budaya sekolah penyayang.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [ Temerloh ]**  
**TARIKH** : **9.4.2014**  
**SOALAN** :

**Y.B. Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [ Temerloh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan panduan bagi menggalakkan partisipasi mahasiswa dalam berpolitik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan pindaan **Seksyen 15 Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2012** telah membenarkan pelajar terlibat dalam aktiviti politik di luar kampus dan mengekalkan neutraliti di dalam kampus dengan mengenakan larangan penglibatan politik kepartian di dalam kampus.

Bagi maksud tersebut, satu garis panduan telah disediakan oleh Kementerian bagi membantu universiti menyediakan kod tata kelakuan masing-masing untuk mengawal selia aktiviti pelajar atau persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar dalam aktiviti-aktiviti politik di dalam kampus.

Walau bagaimanapun, pindaan ini masih mengekalkan kebebasan kepada pelajar untuk bersuara dalam hal yang berkaitan dengan perkara akademik yang

diikuti dan dilakukannya. Pelajar adalah dibenarkan untuk memberi pendapat dalam seminar, simposium dan sebagainya dengan syarat atau seminar atau simposium tersebut tidak menjurus kepada parti-parti politik tertentu. Sebagai contoh program pengajian Sains Politik telah lama diperkenalkan di beberapa buah universiti di Malaysia yang menawarkan kursus-kursus berkaitan politik. Selain itu, beberapa forum yang membincangkan isu politik semasa secara ilmiah telah banyak diadakan di beberapa buah universiti. Sudut Pidato di setiap universiti juga memberi peluang kepada pelajar untuk menyuarakan pendapat.

Rjm134

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD**  
**[ BUKIT GANTANG]**  
**TARIKH : 09.04.2014 (RABU)**

**DATUK IDRIS BIN HAJI AHMAD [ BUKIT GANTANG ]** minta **MENTERI PEDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan berapakah nilai rampasan oleh kerajaan terhadap peniaga yang melanggar arahan Kerajaan kerana menaikkan harga barangan daripada bulan Januari sehingga Disember 2013. Jelaskan nilai rampasan menurut negeri-negeri.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 2,926 kes telah dihasilkan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dengan nilai rampasan berjumlah RM818,941.77. Nilai rampasan mengikut pecahan negeri-negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	KES	RAMPASAN (RM)	NILAI KOMPAUN (RM)
	2013	2013	
PERLIS	52	18,402.78	5,300.00
KEDAH	179	60,920.52	13,350.00
PULAU PINANG	242	29,274.00	25,151.00
PERAK	440	138,366.90	59,230.00
SELANGOR	474	68,684.35	54,750.00
KUALA LUMPUR	26	17,601.00	4,300.00
LABUAN	25	5,062.00	200.00
NEGERI SEMBILAN	166	83,241.26	2,800.00
MELAKA	177	85,812.26	14,730.00
JOHOR	121	20,404.50	11,950.00
PAHANG	130	56,841.55	20,800.00
TERENGGANU	197	70,662.00	14,430.00
KELANTAN	245	100,373.43	22,900.00
SARAWAK	97	15,037.00	14,350.00
SABAH	352	47,944.22	8,000.00
PUTRAJAYA	3	314.00	31,100.00
<b>JUMLAH</b>	<b>2926</b>	<b>818,941.77</b>	<b>303,341.00</b>

**SOALAN NO: 43**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO' SERI TIONG KING SING [ BINTULU ]  
TARIKH : 9 APRIL 2014  
SOALAN :**

**YB Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-**

- (a) adakah Kementerian mempunyai rancangan tertentu bagi menarik minat para doktor supaya tidak berhijrah ke luar negara atau berhenti daripada menjadi penjawat awam; dan
- (b) berapakah jumlah doktor yang telah berkhidmat dengan Kementerian yang telah bersara atau berhenti semenjak 10 tahun kebelakangan ini.

## **Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menambahbaik pelbagai elaun dan insentif bagi menarik minat Pegawai Perubatan untuk terus berkhidmat di KKM. Antara elaun dan insentif khusus yang diberikan kepada Pegawai Perubatan adalah seperti berikut:

- (i) Bayaran insentif perkhidmatan kritikal;
- (ii) Bayaran insentif pakar;
- (iii) Bayaran insentif pentadbiran hospital;
- (iv) Bayaran insentif Pegawai Kesihatan Daerah;
- (v) Elaun Kerja Luar Waktu Bekerja Biasa (On-Call);
- (vi) Bayaran insentif klinik selepas waktu pejabat (Locum); dan
- (vii) Bayaran insentif khas pembedahan elektif.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sehingga 31 Disember 2013, jumlah Pegawai Perubatan di KKM adalah seramai 28,409 orang dengan peratus pengisian sebanyak 88.3 peratus. Sepanjang tempoh tahun 2013, seramai 813 orang Pegawai Perubatan telah meletakkan jawatan. Daripada jumlah tersebut, terdapat seramai lima (5) orang Pegawai Perubatan yang meletakkan jawatan daripada KKM atas alasan bekerja di luar negara. Jumlah tersebut merupakan 0.02 peratus daripada keseluruhan bilangan Pegawai Perubatan di KKM.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peratusan Pegawai Perubatan yang meletakkan jawatan daripada KKM sejak sepuluh tahun (10) lepas adalah pada kadar 2.8% daripada keseluruhan bilangan Pegawai Perubatan yang berkhidmat di KKM.

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' OTHMAN BIN AZIZ [ JERLUN - BN ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2014 (RABU)**

**SOALAN (NO. 44)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah Akademi/Kelab Bimbingan Bola Sepak Kanak-Kanak /Remaja di bawah usia 17 yang aktif di negara ini dan apakah inisiatif yang diberikan oleh pihak Kementerian bagi menggalakkan akademi sukan di Malaysia aktif membimbing kanak-kanak/remaja yang berkebolehan menjadi pelapis atlet kebangsaan pada masa hadapan.

SULIT

## **JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 1,034 kelab atau akademi bolasepak yang masih beroperasi di negara ketika ini. Daripada jumlah tersebut, 958 buah kelab bolasepak dikendalikan secara swasta oleh Persatuan-Persatuan Bolasepak Daerah serta Negeri, Kelab Bolasepak, Akademi Bolasepak dan juga Kelab-kelab Komuniti (atau Akademi Bolasepak bwh 15 tahun) manakala sebanyak 76 pusat latihan bolasepak dikelolakan dengan bantuan penuh kerajaan oleh agensi-agensi pusat seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (di Sekolah Sukan Negeri dan Malaysia) serta Majlis Sukan Negara (di Pusat Latihan MyKids dan Daerah).

### **Inisiatif untuk galak atlet pelapis bola sepak**

- i. Kementerian Belia dan Sukan telah merangka pelan tindakan yang sistematik dan berstruktur bagi meningkatkan kualiti dan pencapaian atlet bola sepak secara konsisten. Perancangan yang teliti dibuat melalui Bengkel Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara bersama Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) yang diadakan pada setiap tahun bagi memastikan pelaksanaan program latihan di akademi/kelab bolasepak disusun mengikut sasaran yang ditentukan oleh panel jurulatih yang dilantik. Selain daripada itu, atlet pelapis juga akan diberi peluang untuk menjalani latihan di luar negara bersama kelab bola sepak yang

## SULIT

terkemuka bagi meningkatkan pencapaian dan kemahiran individu masing-masing.

- ii. Berusaha untuk mendapatkan penajaan dari syarikat luar (seperti Nike, Adidas) untuk kegunaan latihan atlet dan juga penyertaan ke kejohanan yang ditetapkan.
- iii. Kemudahan dan peralatan latihan juga disediakan kepada atlet agar mereka dapat menjalani latihan dengan lebih baik demi meningkatkan kualiti mereka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. Dato' Kamarudin bin Jaffar [ Tumpat ]**  
**TARIKH** : **9.4.2014**  
**SOALAN** :

**Y.B. Dato' Kamarudin bin Jaffar [ Tumpat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah Kementerian berhasrat untuk memansuhkan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang ternyata membebankan guru dan masyarakat, dan sila jelaskan adakah benar kementerian menangguhkan pelaksanaan PBS sehingga masalah-masalah yang ada diselesaikan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti pengumuman yang telah dibuat, penambahbaikan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dilaksanakan mulai 1 April 2014 berikutan hasil kajian semula PBS yang melibatkan pelbagai pihak *stakeholder*. Antara penambahbaikan yang akan dilakukan ialah:

- i. Menggantikan penggunaan Dokumen Standard Prestasi (DSP) dengan Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid. Guru juga tidak perlu menyediakan Fail Perkembangan Murid (FPM) dan melengkapkan Rekod Transit. Perekodan perkembangan pembelajaran murid boleh dilakukan mengikut kesesuaian guru;
- ii. Bagi memastikan guru memberi fokus terhadap pengajaran dan pembelajaran, guru tidak perlu lagi mengisi data penguasaan murid menerusi

SPPBS secara on line seperti sebelum ini. Guru boleh merekodkan perkembangan pembelajaran murid secara offline. Pihak sekolah akan mengadakan ujian bulanan, peperiksaan pertengahan tahun atau peperiksaan akhir tahun sekolah yang dapat memberi gambaran kepada ibu bapa tentang tahap pencapaian anak mereka. Guru akan menyediakan pelaporan perkembangan pembelajaran murid untuk memaklumkan kepada ibu bapa; dan

- iii. Penilaian Menengah Rendah (PMR) di Tingkatan 3 akan digantikan dengan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3). Ini bermakna tiada peperiksaan berpusat untuk pelajar Tingkatan 3. Melalui pentaksiran, pihak sekolah akan mentadbir, mentaksir dan memberi skor terhadap pentaksiran tersebut berpandukan instrumen dan panduan peraturan penskoran yang setara (standardised) yang disediakan oleh pihak Lembaga Peperiksaan (LP). Pentaksir luar yang dilantik oleh LP akan melaksanakan verifikasi dan LP akan melaksanakan moderasi sebelum pelaporan dikeluarkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan PBS yang telah ditambah baik ini dapat dilaksanakan dengan berkesan, KPM akan mengadakan taklimat secara terperinci tentang konsep dan pelaksanaannya kepada pegawai-pegawai di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, pentadbir dan guru-guru. KPM juga akan mengadakan latihan supaya guru memahami konsep pentaksiran dan mengamalkannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta meningkatkan kemahiran guru memeriksa jawapan murid.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN**  
**[ SELAYANG ]**  
**TARIKH : 9 APRIL 2014**  
**SOALAN :**

**YB Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kes dan kematian akibat denggi mengikut negeri dari tahun 2008 dan langkah-langkah yang diambil untuk menangani masalah tersebut.

**Tuan Yang Dipertua,**

Jumlah kes dan kematian denggi dari tahun 2008 hingga 2014 adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH KES</b>	<b>JUMLAH KEMATIAN</b>
2008	<b>49,335 kes</b>	<b>112 kematian</b>
2009	<b>41,486 kes</b>	<b>88 kematian</b>
2010	<b>46,171 kes</b>	<b>134 kematian</b>
2011	<b>19,884 kes</b>	<b>36 kematian</b>
2012	<b>21,900 kes</b>	<b>35 kematian</b>

2013	<b>43,346 kes</b>	<b>92 kematian</b>
2014	<b>16,383 kes</b> (sehingga 23 Februari)	<b>29 kematian</b> (sehingga 23 Februari)

Pecahan kes dan kematian denggi mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1**.

Peningkatan kes denggi yang berlaku merupakan fenomena global yang turut dialami oleh Malaysia. Peningkatan ini juga disebabkan oleh beberapa faktor lain iaitu:

1. Perubahan serotype virus denggi (*serotype shift*), di mana dari akhir tahun 2012 hingga Februari 2013, *serotype virus* yang dominan di Malaysia adalah DEN 4 tetapi pada bulan Mac 2013 ia bertukar kepada DEN 2. Perubahan *serotype* ini boleh menyebabkan kes atau kematian meningkat. Serotype DEN 2 juga boleh menyebabkan manifestasi klinikal yang lebih teruk dan menyebabkan risiko komplikasi yang lebih tinggi sehingga menyebabkan kematian.
2. Kepadatan penduduk yang tinggi di kawasan bandar menyebabkan penularan jangkitan lebih mudah dan pembangunan yang pesat memberi kesan kepada peningkatan tempat-tempat pembiakan Aedes.
3. Pergerakan penduduk yang lebih meluas melalui pengangkutan moden turut meningkatkan penyebaran virus denggi ke kawasan yang tiada kes sebelumnya dan ke tempat-tempat lain.

4. Kurangnya kesedaran masyarakat dalam menjaga kebersihan persekitaran mereka. Malah ada di kalangan orang ramai yang masih membuang sampah secara tidak berhemah. Ini akan menyumbang kepada tempat pembiakan Aedes.
5. Faktor cuaca terutama pada waktu hujan menyebabkan bekas-bekas boleh menakung air dan meningkatkan pembiakan Aedes
6. Kurangnya amalan masyarakat melakukan aktiviti “cari dan musnahkan” tempat pembiakan Aedes seminggu sekali di kediaman atau persekitaran mereka.
7. Pengurusan sampah domestik dan pukal yang tidak dilaksanakan dengan baik serta tempat pengumpulan sampah tidak terurus turut menyumbang kepada tempat pembiakan Aedes.
8. Terdapat tempat pembuangan sampah haram dan tidak diuruskan dengan sempurna. Ini juga menyumbang kepada tempat pembiakan Aedes.
9. Terdapat struktur-struktur bangunan yang dibina, menyumbang kepada terjadi tempat pembiakan Aedes terutama di Selangor dan Kuala Lumpur.

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KKM telah memperuntukan sebanyak RM3 juta untuk aktiviti pendidikan kesihatan bagi pencegahan denggi.

Langkah-langkah kawalan dan pencegahan denggi yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan adalah melalui pemantauan kes-kes yang dilaporkan secara harian di seluruh negara; melaksanakan aktiviti kawalan secara berkesan keatas setiap kes yang dilaporkan; mempertingkatkan aktiviti pencegahan terutama di kawasan yang berisiko tinggi; dan meningkatkan penglibatan masyarakat di dalam aktiviti pencegahan denggi. Kementerian Kesihatan juga telah melaksanakan program-program baru untuk menghalang denggi dari terus meningkat. Berikut adalah tindakan yang telah dilaksanakan iaitu:

1. Melaksanakan “Ops Gempur Aedes” iaitu operasi penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 yang dijalankan pada setiap bulan bermula pada 8 Julai 2013.
2. Melaksanakan kempen Program Ayuh Gempur Aedes Perdana yang dilancarkan pada 5 Januari 2014, oleh YB. Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia.
3. Mengadakan Dengue Walk About di lokaliti hotspot denggi yang disertai oleh YB. Menteri Kesihatan Malaysia.
4. Melaksanakan kempen “Jom Hapus Tempat Pembiakan Aedes” di 10 lokaliti hotspot denggi pada 2 Mac 2014 yang diketuai oleh YB. Menteri Kesihatan Malaysia.
5. Mengadakan Mesyuarat Mingguan Wabak Denggi yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.

6. Melaksanakan halatuju baru program kawalan dan pencegahan denggi Kebangsaan yang mengutamakan penghapusan tempat-tempat pembiakan Aedes.
7. Melaksanakan kaedah kawalan denggi yang baru menerusi kerjasama dengan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) iaitu semburan ruang menggunakan kawalan biologi *Bacillus thuringiensis israelensis* (Bti), semburan ruang menggunakan temephos (pembunuh jentik-jentik) dan menggunakan perangkap nyamuk Autocidal Ovitrap.
8. Memastikan bekalan temephos untuk orang awan mudah diperolehi dengan kerjasama daripada syarikat pengeluar.
9. Menambah bilangan Klinik Kesihatan yang memberi perkhidmatan Extended Hour kepada 72 Klinik Kesihatan di seluruh negara.
10. Memastikan semua hospital mempunyai katil yang cukup untuk menampung peningkatan kemasukkan kes denggi di hospital.
11. Mempertingkatkan penyaluran maklumat denggi kepada orang ramai iaitu melalui kenyataan akhbar mingguan, laman web KKM, laman web iDenggi dan Facebook CPRC KKM.
12. Menjalankan promosi kesihatan tentang denggi di media masa perdana dan media sosial.

Jadual 1: Bilangan Kes Dan Kematian Denggi Mengikut Negeri Bagi Tahun 2008 -2014 (Sehingga 23 Februari)

TAHUN	2008		2009		2010		2011		2012		2013		2014 Sehingga 23 Februari	
	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
PERLIS	184	0	191	0	215	0	110	0	172	1	226	1	40	0
KEDAH	1,678	0	750	0	782	3	514	0	817	4	813	1	142	1
PULAU PINANG	2,324	1	2,444	1	1,834	7	1,579	3	791	1	1,053	7	376	3
PERAK	4,219	9	2,734	3	2,288	6	1,411	2	1,716	5	2,519	4	1,133	3
SELANGOR	21,262	46	18,676	48	16,367	45	7,758	14	9,113	12	23,852	24	8,936	11
WP KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA	5,446	13	3,746	9	4,205	6	2,038	2	1,814	5	2,570	8	1,561	3
NEGERI SEMBILAN	1,405	3	1,057	6	1,501	7	737	3	552	2	1,198	1	1,066	1
MELAKA	830	2	769	5	1,485	12	450	0	449	0	1,505	9	592	1
JOHOR	3,908	17	2,528	3	4,406	12	1,583	7	1,650	1	4,828	24	1,064	5
PAHANG	1,327	1	907	2	1,688	5	894	1	641	1	725	2	201	0
TERENGGANU	1,721	5	968	0	1,472	3	675	1	739	0	600	0	180	0
KELANTAN	2,399	10	1,031	1	3,578	11	743	1	1,245	0	1,427	2	652	1
SARAWAK	1,517	0	4,490	7	4,240	14	974	0	1,519	1	1,292	4	201	0
SABAH	1,045	2	1,170	3	2,091	3	402	2	672	2	724	5	236	0
WP LABUAN	70	3	25	0	19	0	16	0	10	0	14	0	3	0
<b>MALAYSIA</b>	<b>49,335</b>	<b>112</b>	<b>41,486</b>	<b>88</b>	<b>46,171</b>	<b>134</b>	<b>19,884</b>	<b>36</b>	<b>21,900</b>	<b>35</b>	<b>43,346</b>	<b>92</b>	<b>16,383</b>	<b>29</b>

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' MANSOR BIN OTHMAN  
(NIBONG TEBAL)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 09.04.2014**

**Y.B. DATO' MANSOR BIN OTHMAN [ NIBONG TEBAL ]** minta **MENTERI**

**KEWANGAN** menyatakan:-

(a) statistik bilangan dan peratus penjawat awam yang berjaya memiliki rumah sendiri

dalam tempoh lima tahun dari tahun 2009 hingga 2013; dan

(b) keberkesanan pelaksanaan Projek Perumahan PR1MA berjaya meningkatkan pemilikan

rumah sendiri di kalangan penjawat awam.

**JAWAPAN**

**Jawapan:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, Statistik bilangan penjawat awam yang memiliki rumah sendiri melalui pembiayaan Bahagian Pinjaman Perumahan (HLD) bagi tempoh lima (5) tahun iaitu 2009 hingga 2013 adalah seperti berikut:-

<b>TAHUN</b>	<b>STATISTIK BILANGAN PENJAWAT AWAM</b>
2009	38,058
2010	37,097
2011	38,391
2012	43,185
2013	44,219

Rumah-rumah PR1MA adalah terbuka kepada semua individu atau keluarga (suami dan isteri) dengan pendapatan purata bulanan isi rumah antara RM2,500 – RM7,500. Program PR1MA yang khusus untuk golongan berpendapatan sederhana ini telah menarik minat ramai termasuk penjawat awam untuk memiliki rumah. Ini adalah kerana harga rumah PR1MA adalah sekurang-kurangnya 20 peratus lebih rendah berbanding

harga pasaran terkini rumah yang mempunyai spesifikasi yang sama di kawasan persekitaran projek perumahan PR1MA tersebut. Secara amnya, harga rumah yang ditawarkan adalah di antara RM100,000 - RM400,000 dan ianya tertakluk kepada lokasi dan jenis spesifikasi rumah berkenaan.

PARLIMEN MALAYSIA  
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM**  
**[ KUALA SELANGOR ]**  
**TARIKH : 9 APRIL 2014 (RABU)**  
**SOALAN : Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [ Kuala Selangor ]**  
minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan perangkaan atau statistik peladang kecil, nelayan dan agropreneur muda yang telah menerima peruntukan dan bantuan yang diberikan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) dan FAMA untuk membantu usahawan dalam bidang pertanian.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah melaksanakan pelbagai aktiviti dan memberi bantuan kepada peladang kecil, nelayan dan agropreneur muda untuk melahirkan usahawan dalam bidang pertanian. Antara bantuan yang telah diberikan dari tahun 2011 hingga 2014 adalah seperti berikut:

Bil	Jenis Bantuan	Bil. Usahawan
<b>LPP</b>		
1	Program Tabung Pembangunan Usahaniaga Peladang (TPUP)	420
2	Skim Pemilikan Jentera dan Peralatan Kecil Peladang (SPJKP)	1,577
<b>LKIM</b>		
1	Bantuan peralatan perniagaan	40
2	Pembungkusan	3
3	Kursus/ Seminar	30
4	Kumpulan Nelayan Wanita (KUNITA)	600
<b>FAMA</b>		
1	Ladang Kontrak	18,956
2	Program Pengukuhan Bekalan Ladang Kontrak ke Pasar Tani (KUKUH)	500
3	Pasar Tani	24,005
4	Gerai Buah-buahan Segar (GBBS)	363
5	Agrobazaar Kedai Rakyat	267
6	Motosikal Tiga Roda	433
7	Industri Asas Tani (1 Malaysia Best)	355
8	Kopiesatu	31
9	MyAgrosis	15,959
10	Pendidikan Pasaran	2,104
11	Pasar Komuniti dan Karavan (PAKAR)	1,799
12	Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC)	731
13	Agrobazaar K-Shoppe	132
<b>JUMLAH</b>		<b>68,305</b>

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HJ. AHMAD LAI BIN BUJANG  
(SIBUTI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 09.04.2014**

**Y.B. TUAN HJ. AHMAD LAI BIN BUJANG [ SIBUTI ]** minta **MENTERI**

**KEWANGAN** menyatakan:-

(a) sejak pengumuman GST pada Bajet 2014 sejauh manakah program penerangan dan pemahaman GST di kalangan rakyat telah dilaksanakan dan jumlah penerangan yang telah dijalankan setiap negeri; dan

(b) berapakah butiran perbelanjaan bagi promosi GST seperti media online, akhbar, Televisyen, radio, infografik dan Billboard setakat Mac 2014 dan bagaimanakah proses latihan & penerangan GST untuk golongan peniaga.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Program kesedaran dan latihan GST telah dijalankan semenjak tahun 2010 kepada tiga golongan sasaran iaitu pengguna, peniaga dan jabatan Kerajaan. Program penerangan GST kepada pelajar-pelajar sekolah, IPTA dan IPTS serta penduduk kampung juga turut dilaksanakan.

Bagi golongan peniaga yang merupakan kumpulan kritikal dalam pelaksanaan GST, Kerajaan telah merangka dan sedang menjalankan program-program taklimat dan latihan melalui tiga kaedah iaitu samada dianjurkan sendiri oleh pihak Kerajaan atau pihak swasta ataupun secara bersama oleh Kerajaan dan pihak swasta.

Bagi aktiviti publisiti, pelbagai saluran media telah dijalankan seperti di akhbar arus perdana, televisyen, radio dan billboard serta melalui media sosial seperti blogspot, laman web, twitter dan facebook.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbelanjaan yang telah dan akan dilakukan oleh Kerajaan bagi program publisiti melalui pelbagai saluran

media seperti di akhbar arus perdana, televisyen, radio, dan billboard serta melalui media sosial iaitu blogspot, laman web, twitter dan Facebook termasuk adalah sebanyak RM17 juta yang diuruskan oleh Kementerian Kewangan (2012-2014).

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DATO' DR. TAN KEE KWONG**  
**KAWASAN : WANGSA MAJU**  
**TARIKH : 9 APRIL 2014, RABU**

**SOALAN:**

**YB. DATO' DR. TAN KEE KWONG (WANGSA MAJU)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengenai pembinaan **DUKE** (*Duta-Ulu Klang Expressway*) yang kedua dan dari mana ke mana serta berapakah kos yang terlibat.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan Projek Lebuhraya Duta-Ulu Klang (DUKE) Fasa 2 ini merupakan projek penswastaaan lebuhraya *dual-carriageway* yang terbahagi kepada 2 bahagian, iaitu bahagian pertama dinamakan sebagai Sri Damansara Link sepanjang 7.4 km, iaitu bermula dari kawasan Manjalara hingga ke lebuhraya DUKE sedia ada (Duta Link) di Segambut. Manakala bahagian kedua pula dinamakan sebagai Tun Razak Link (9 km) di Jalan Tun Razak ke Jalan Pahang dan bersambung dengan lebuhraya DUKE sedia ada di persimpangan bertingkat Sentul Pasar, seterusnya akan bersambung ke Jalan Gombak. Sebahagian besar lebuhraya ini akan dibina secara struktur bertingkat (*elevated structure*). Pelaksanaan projek ini dibuat secara perjanjian konsesi tambahan DUKE.

Projek DUKE Fasa 2 ini dibiayai oleh syarikat konsesi lebuhraya berkenaan dengan kos sebanyak RM1.1 bilion. Manakala kos pengambilan balik tanah yang akan ditanggung oleh pihak Kerajaan dihadkan sebanyak RM350 juta sahaja. Kerja-kerja fizikal baru sahaja dimulakan dan keseluruhan projek ini dijangka siap dalam tempoh 36 bulan.

Sekian. Terima kasih.

**NO. SOALAN : 51**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN NG WEI AIK  
[ TANJONG ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Ng Wei Aik [ Tanjong ] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan perbelanjaan untuk menganjurkan Majlis Rumah Terbuka Peringkat Kebangsaan bagi Hari Krismas di Pulau Pinang (Disember 2013) dan Tahun Baru Cina di Taiping, Perak (Februari 20140).**

**JAWAPAN :      DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kos perbelanjaan keseluruhan bagi Majlis Rumah Terbuka Malaysia (MRTM) Krismas 2013 di Pulau Pinang adalah sebanyak RM1,427,180 manakala MRTM Tahun Baru Cina yang telah diadakan di Taiping, Perak pada 8 Februari 2014 adalah berjumlah RM1,953,150. Kos ini meliputi pembiayaan persiapan tempat, teknikal, jamuan rakyat, persembahan, keceriaan, promosi, keurusetiaan, pengangkutan dan keselamatan.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN: 52**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN TAN KOK WAI  
[ CHERAS ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB Tuan Tan Kok Wai [ CHERAS ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Suruhanjaya Bebas bagi Urustadbir (*Independent Commission for Good Governance*) dan Suruhanjaya bagi Agihan Peluang Sama Rata (*Equal Opportunity Commission*) akan ditubuhkan bagi memastikan kesamarataan di antara semua rakyat.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan adalah komited dan serius dalam mengwujudkan urustadbir yang baik (*good governance*) dalam pentadbiran negara. Sejak tahun 2009, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU) yang bertujuan untuk memantapkan isu-isu tadbir urus dalam perkhidmatan awam. Selain daripada itu, Kerajaan juga telah mewujudkan Unit Integriti di semua agensi awam mulai bulan Julai 2013 untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan tadbir urus dan dalam masa yang sama dapat membendung salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi di kalangan penjawat awam.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan Suruhanjaya bagi Agihan Peluang Sama Rata (*Equal Opportunity Commission*) memandangkan inisiatif di bawah dasar pembangunan inklusif serta mekanisme sedia ada dapat menangani isu-isu berkaitan. Di bawah Model Ekonomi Baru (MEB) dan

Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), pendekatan pembangunan inklusif yang diamalkan adalah selaras dengan prinsip pertumbuhan dengan pengagihan (*growth with distribution*). Pendekatan ini mengambilkira aspek penting seperti keperluan (*needs based*), merit, ketelusan dan mesra pasaran. Langkah-langkah ini adalah selaras dengan prinsip yang termaktub dalam Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan.

Di bawah RMKe-10, tumpuan khusus diberikan kepada kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah termasuk kumpulan khusus seperti masyarakat Orang Asli, minoriti Bumiputera di Sabah dan Sarawak, penduduk kampung baru Cina serta pekerja estet yang memerlukan peluang dan sokongan khusus bagi meningkatkan keupayaan mereka meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan juga terus memperkemaskan peranan pelbagai kementerian dan agensi Kerajaan untuk menangani isu-isu pembangunan inklusif secara lebih berkesan serta terus bekerjasama dengan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) secara aktif untuk membantu menangani isu-isu spesifik berkaitan kemiskinan, sosial dan masyarakat terpinggir.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN [ KELANA JAYA ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**Tuan Wong Chen [ Kelana Jaya ] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan apakah kadar penggunaan minyak sawit sebagai minyak masak di Malaysia per kapita, dan mengemukakan huraian jumlah (tan metrik) di setiap negeri daripada 2008 hingga 2013.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan *Oil World Statistics*, penggunaan minyak masak per kapita di Malaysia pada tahun 2013 adalah 29.5 kilogram seorang setahun. Kerajaan tidak mempunyai maklumat mengenai kadar penggunaan minyak masak di setiap negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR  
BIN HAJI NASARAH  
(LENGGONG)**

**TARIKH : 09.04.2014  
(RABU)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan tahap keselamatan perairan Malaysia terutama di kawasan strategik :-**

- (a) perkembangan terkini kawalan keselamatan di perairan Sabah; dan**
- (b) tahap pemodenan Angkatan Tentera Malaysia berbanding negara jiran.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Perairan di Sabah adalah berada di dalam keadaan yang terkawal. Kawalan keselamatan di Pantai Timur Sabah dilaksanakan secara bersepadu dengan agensi-agens kerajaan yang lain. Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) berada dalam keadaan siapsiaga dan sentiasa mengawasi Zon Keselamatan Pantai Timur Sabah (ESSZONE) bagi menghalang penceroboh daripada menggugat kedaulatan negara.**

**Kementerian Pertahanan sentiasa memberi perhatian tinggi dalam memodenkan ATM bagi mengukuhkan lagi keupayaan pertahanan negara. Pemodenan ATM juga dilaksanakan seiring dengan kemajuan teknologi dan jenis ancaman yang dihadapi. Bagaimanapun, penambahan dan penggantian aset ini akan dilakukan secara berperingkat mengikut keupayaan kewangan negara.**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]**

**TARIKH : 9 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah tindakan yang akan diambil untuk membanteras masalah pencemaran Sungai Klang di kawasan Parlimen Puchong dan sama ada tindakan akan diambil terhadap pihak-pihak bertanggungjawab.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pencemaran di Sungai Klang di kawasan Parlimen Puchong adalah berpunca daripada aktiviti pengumpulan besi buruk haram, industri serta kegiatan pembuangan sampah haram di kawasan Petaling Jaya Selatan 3 dan Petaling Jaya Selatan 4, Petaling Jaya dan di tebing Sungai Klang di Lembah Kinrara.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar sentiasa memantau punca-punca pencemaran yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 dan mengambil tindakan penguatkuasaan yang tegas terhadap ketidakpatuhan.

Pada tahun 2013, 1 kompaun dan 2 notis arahan telah dikeluarkan kepada premis-premis terbabit kerana gagal mematuhi peruntukan di bawah AKAS 1974.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD  
HARUN NARRASHID [ KOTA TINGGI ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2014 (RABU)**

**SOALAN : 56**

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [ Kota Tinggi ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah peranan Kementerian dalam membantu meningkatkan penglibatan kaum Bumiputera dalam industri maritim di dalam negara.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sektor maritim merupakan satu sektor yang sangat luas ruang lingkupnya. Dalam konteks Kementerian Pengangkutan, antara sektor utama yang terlibat adalah perkapalan dan pelabuhan.

Dalam sektor perkapalan, pengenalan dan pelaksanaan Dasar Kabotaj adalah merupakan antara perkara utama yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pengangkutan bagi meningkatkan penglibatan rakyat atau syarikat Malaysia termasuklah kaum Bumiputera. Dasar ini menghadkan pengangkutan barangan dan penumpang termasuklah penyediaan perkhidmatan di perairan Malaysia dan Zon Ekonomi Eksklusif kepada kapal-kapal berpendaftaran Malaysia sahaja. Pemilikan kapal berpendaftaran Malaysia hendaklah oleh rakyat Malaysia atau syarikat yang mempunyai sekurang-kurangnya 51% pegangan saham oleh rakyat Malaysia. Secara tidak langsung, penglibatan kaum bumiputera turut terangkum di dalam pelaksanaan dasar ini ke arah memantapkan lagi sektor perkapalan domestik.

Tambahan pula, pelaksanaan aktiviti perkapalan domestik tersebut memerlukan individu/syarikat pemilik kapal untuk memperolehi Lesen Perkapalan Dalam Negeri (DSL) daripada Kementerian Pengangkutan. Bagi menggalakkan penglibatan kaum Bumiputera dalam sektor perkapalan domestik, tempoh DSL yang lebih panjang akan diberikan kepada individu/syarikat pemilik kapal berpendaftaran Malaysia yang mempunyai penglibatan bumiputera sekurang-kurangnya 30% masing-

masing di dalam Lembaga Pengarah, pemilikan ekuiti dan kakitangan pejabat.

Bagi sektor pelabuhan pula, salah satu syarat yang dimasukkan dalam perjanjian penswastaaan pelabuhan persekutuan adalah operator pelabuhan perlu memastikan bahawa pelaksanaan kontrak dengan pihak ketiga sama ada antarabangsa dan tempatan yang merangkumi pembekalan barangan dan perkhidmatan serta kerja perlu melibatkan penyertaan Bumiputera sekurang-kurangnya 30%.

**SOALAN NO: 57**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH  
[ KUANTAN ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan :-**

- (a) rasional untuk melantik YB Bintulu sebagai duta khas ke Asia Timur memandangkan negara-negara tersebut telah mempunyai duta masing-masing; dan
- (b) jumlah gaji dan elaun bagi jawatan tersebut.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelantikan YB Bintulu sebagai Duta Khas ke Asia Timur merupakan hak Kerajaan Persekutuan dan dilaksanakan di atas kepakaran dan kemahiran yang dimiliki oleh YB Bintulu.

YB Bintulu tidak menerima gaji bulanan bagi jawatan tersebut namun layak membuat tuntutan elaun perjalanan bagi tugas-tugas rasmi.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [ IPOH TIMOR ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2014 (RABU)**

**SOALAN : 58**

Tuan Su Keong Siong [ Ipoh Timor ] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah "*sinkhole*" yang telah menyebabkan kapal terbang seperti jenis Boeing 737 tidak dapat mendarat di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh. Adakah kajian tanah "*soil investigation*" dijalankan sebelum kerja-kerja penambakaan/naik taraf Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah yang berjumlah RM42 juta dimulakan.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) telah melantik Juru Perunding iaitu Tetuan Terrain Resources Sdn. Bhd. bagi melaksanakan kajian untuk mengatasi masalah *sink hole*. Kajian telah bermula pada 2 Januari 2014 dan akan mengambil masa empat (4) bulan untuk disiapkan. Laporan Awal Kajian mendapati landasan masih boleh digunakan tetapi terhad kepada kapal udara kod 3C seperti ATR-72.

Penentuan untuk membenarkan kapal udara yang lebih besar mendarat bergantung kepada laporan penuh hasil kajian yang dijangka dapat diterima pada bulan Mei 2014.

Projek Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah terbahagi kepada dua skop utama iaitu kerja-kerja menaik taraf bangunan terminal dan kerja-kerja pemanjangan landasan. Bagi bangunan terminal, *soil investigation* telah dilaksanakan. Manakala untuk pemanjangan landasan, kaedah *trial pit* telah dilaksanakan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN ER TECK HWA  
(BAKRI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 09.04.2014**

**Y.B. TUAN ER TECK HWA [ BAKRI ]** minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan berapa kes jenayah yang disiasat, didakwa dan dijatuhkan hukum di bawah Akta 613 dari tahun 2005 hingga kini dan jumlah wang yang terlibat dalam kes-kes tersebut di atas.

**JAWAPAN**

Seksyen 4 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 [Akta 613] adalah berkaitan kesalahan pengubahan wang haram. Seksyen ini memperuntukkan -

“4. (1) Mana-mana orang yang -

- a. melibatkan diri, atau cuba untuk melibatkan diri dalam; atau
- b. bersubahat dengan pelakuan,

pengubahan wang haram melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(2) Seseorang boleh disabitkan atas suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) tanpa mengira sama ada terdapat suatu sabitan berkenaan dengan suatu kesalahan berat atau kesalahan berat asing atau suatu pendakwaan telah dimulakan bagi pelakuan suatu kesalahan berat atau kesalahan berat asing.”

2. Jumlah kes jenayah yang disiasat, didakwa dan disabitkan di bawah subseksyen 4(1) Akta 613 dari tahun 2004 hingga tahun 2014 adalah seperti yang berikut:

Jumlah yang dituduh : 191 orang

Jumlah wang yang terlibat : RM9.80 bilion

Jumlah kes yang disabitkan oleh Mahkamah Bicara/Rayuan : 73

Jumlah wang dilucuthak : RM11.32 juta

Jumlah kes yang dibebaskan : 37

Jumlah kes yang belum selesai : 81

Untuk makluman Yang Berhormat, sesuatu kes di bawah Akta 613 mengambil masa yang lama untuk selesai kerana walaupun sabitan dan perintah lucuthak telah diperolehi, pelucuthakan tidak akan dilaksanakan sehingga tuntutan pihak ketiga ke atas jumlah yang terlibat dalam perintah lucuthak selesai didengar. Ini termasuk tempoh masa yang akan diambil untuk mendengar rayuan yang difailkan ke atas perintah lucuthak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR  
(POKOK SENA)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 09.04.2014**

**Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [ POKOK SENA ]** minta **MENTERI**

**KEWANGAN** menyatakan status terkini proses pengambilalihan oleh Kerajaan ke atas dua syarikat yang menjalankan AES iaitu Beta Tegap Sdn. Bhd. dan ATES Sdn. Bhd.:-

(a) berapakah harga yang ditawarkan Kerajaan dan asas penilaian bagi harga tersebut dan

berapakah harga 'indicative' yang diberikan oleh kedua-dua syarikat tersebut; dan

(b) siapa juru nilai yang dilantik Kerajaan bagi menjalankan penilaian ke atas kedua-dua syarikat operator tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan masih dalam proses rundingan dengan kedua-dua syarikat pengendali AES bagi tujuan pengambilan alih program AES daripada dua syarikat terlibat. Memandangkan proses pengambilan alih AES masih dalam peringkat rundingan, sebarang bentuk maklumat berkaitan termasuk nilai pelaburan dan amaun pampasan merupakan maklumat sulit dan terperingkat. Ini penting dipatuhi bagi memelihara kepentingan pihak-pihak yang terlibat dengan rundingan berkenaan. Selain itu, Kerajaan telah menzahirkan komitmen agar pengambilan alih pelaksanaan AES dilakukan secara teratur, berhemah dan berintegriti supaya syarikat tidak memperoleh keuntungan yang berlebihan di samping tidak membebankan kewangan kerajaan.

Kerajaan telah melantik firma audit Tetuan KPMG dan perundangan professional, Tetuan Azmi & Associates bagi melaksanakan kajian ketekunan wajar (*due diligence*) meliputi aspek kewangan dan perundangan bagi tujuan pengambilan alih AES berkenaan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. Tuan Khoo Soo Seang [ Tebrau ]**  
**TARIKH : 9.4.2014**  
**SOALAN :**

**Y.B. Tuan Khoo Soo Seang [ Tebrau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian merancang untuk membuat kajian tentang sebab-sebab masalah kekurangan guru, terutama sekali di sekolah-Sekolah Rendah Cina, tidak dapat diatasi selepas begitu banyak tahun, lalu membuat perancangan 5 tahun untuk mengatasi sepenuhnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) seramai 6,071 graduan Institusi Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) keluaran tahun 2013 yang telah lulus pengajian dan diperaku untuk dilantik tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) telah ditempatkan secara berperingkat-peringkat mulai Januari hingga 1 April 2014 di sekolah rendah. Untuk makluman, daripada jumlah tersebut, sejumlah 1965 telah ditempatkan pada bulan Januari dan Februari, manakala 4106 ditempatkan pada 1 April 2014. Walau bagaimanapun, terdapat 74 graduan yang tidak ditawarkan penempatan kerana gagal temu duga dan tidak diperaku lantikan tetap oleh SPP.

Statistik kekurangan guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) secara keseluruhan di peringkat KPM berdasarkan data sehingga 17 Februari 2014

adalah seramai 849 orang guru. Walau bagaimanapun, kekosongan jawatan ini ditampung dengan pelantikan Guru Interim Tambahan di semua negeri terlibat untuk tempoh mulai 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014. Masalah kekurangan guru di SJKC berlaku di atas faktor syarat tambahan yang ditetapkan oleh Kesatuan Lembaga Pengelola Sekolah iaitu guru-guru yang ditempatkan ke SJKC mesti lulus Bahasa Cina pada peringkat SPM untuk membenarkan mereka mengajar. Ditambah lagi dengan kurangnya minat lulusan tersebut untuk menceburi bidang perguruan.

Namun, KPM sentiasa melaksanakan pelbagai langkah untuk mengatasi masalah tersebut, antaranya dengan melaksanakan promosi ke seluruh negara dan melaksanakan temuduga secara terbuka (*walk inn interview*) bagi membolehkan lebih ramai calon untuk ditawarkan mengisi kekosongan calon guru. Di samping itu, KPM juga menawarkan laluan kerjaya yang lebih menarik dalam bidang perguruan seperti laluan kenaikan pangkat.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA [ BATU ]**  
**TARIKH : RABU, 9 APRIL 2014**  
**RUJUKAN : L14 [PR-1321-L60779]**  
**SOALAN :**

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [ Batu ] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan kilang simen (*batching plant*) yang berfungsi di dalam kawasan bandar adalah selaras dengan peraturan keselamatan Kementerian alam sekitar. Bolehkah sesebuah kilang simen (*batching plant*) beroperasi tanpa kelulusan pihak Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Batu, permohonan untuk mengusahakan Loji Pembancuh Simen (Batching Plant) perlu mendapat kelulusan daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terlebih dahulu. Keperluan ini adalah selaras dengan peruntukan Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 (Akta 267) yang menetapkan bahawa semua pembangunan perlu mendapatkan kelulusan daripada Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Permohonan untuk mengusahakan Loji Pembancuh Simen dinilai kesesuaiannya berdasarkan Garis Panduan Perancangan DBKL. Di antara aspek-aspek yang diberi perhatian adalah:-

- a) ditempatkan di lokasi yang bersesuaian dari segi zon gunatanah;
- b) mempunyai jarak anjakan yang mencukupi dari bangunan-bangunan yang berhampiran termasuk mengadakan 'green buffer'; dan
- c) menyediakan kelengkapan yang mencukupi bagi menghalang berlakunya kacauganggu, pencemaran habuk, bunyi bising dan pelepasan air buangan.

Permohonan yang telah memenuhi keperluan kesesuaian lokasi akan diberi kelulusan oleh DBKL tertakluk kepada syarat-syarat di antaranya termasuklah:-

- a) Mendapatkan kelulusan dan mematuhi segala spesifikasi yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan;
- b) Bagi Loji Pembancuh Simen yang diusahakan secara komersil pemohon perlu mendapatkan kelulusan permit laluan lori bagi memastikan lori pengangkut simen hanya melalui laluan yang bersesuaian;
- c) Pemohon dikenakan deposit RM250,000 bagi setiap tapak loji pembancuh simen yang mana ianya boleh digunakan oleh DBKL bagi memperbaiki kerosakan dan memastikan kebersihan yang diakibatkan oleh loji operasi tersebut.

DBKL bersama-sama dengan agensi lain termasuk Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) sentiasa memantau operasi Loji Pembancuh Simen supaya mematuhi segala syarat dan keperluan yang ditetapkan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [ Parit Buntar ]**  
**TARIKH : 9.4.2014**  
**SOALAN :**

**Y.B. Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [ Parit Buntar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perkembangan Program Susu 1Malaysia PS1M bagi memastikan pengagihan berlaku secara berkesan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa pemantauan sentiasa dilakukan oleh Jabatan Pelajaran Negeri dan Jabatan Kesihatan Negeri bagi memastikan pengagihan berlaku dengan berkesan dan selamat. Semua gudang dan tempat penyimpanan susu dipastikan mendapat kelulusan Kementerian Kesihatan sebelum dibenarkan menyimpan susu. Konsep yang digunakan untuk pengedaran susu adalah konsep FIFO (*First in, First out*). Segala kelemahan atau permasalahan akan dibincangkan di peringkat Kementerian melalui Jawatankuasa *Task Force* Program Susu 1Malaysia. Satu Buku Garis Panduan Pelaksanaan Program Susu 1Malaysia juga diedarkan ke semua sekolah di samping Cakera Padat (CD) berkaitan kaedah meminum susu.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI  
(PANDAN)**  
**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 09.04.2014**

**Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [ PANDAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah perolehan (*revenue*), jumlah perbelanjaan dan untung/rugi tahunan yang telah dicatatkan oleh 1MDB bagi setiap tahun sejak ditubuhkan sehingga sekarang dan apakah aktiviti-aktiviti yang telah menyumbang kepada perolehan itu (diperincikan mengikut tahun).

**JAWAPAN**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pendapatan, 1MDB bagi setiap tahun sejak ditubuhkan adalah sebanyak RM719,563,000 (2010), RM938,424,000 (2011) dan**

**RM893,364,000 (2012). Namun begitu, perincian bagi perolehan (*revenue*), jumlah perbelanjaan dan untung/rugi syarikat boleh diperolehi daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).**

**1MDB dijangka akan memfailkan akaun yang diaudit untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2013 mengikut tempoh pelanjutan yang telah dibenarkan oleh SSM iaitu sehingga 31 Mac 2014."**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Tuan Sim Tong Him [ KOTA MELAKA ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**Tuan Sim Tong Him [ KOTA MELAKA ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang kedudukan kajian persempadanan semula kawasan Parlimen dan kawasan DUN oleh SPR:-

- (a) berapa buah kawasan Parlimen dan DUN tambahan yang akan terlibat dicadangkan dan negeri-negeri yang akan terlibat dalam pertambahan persempadanan semula ini; dan
- (b) nyatakan garis panduan dan kriteria yang diambil kira dalam kajian ini.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan terakhir persempadanan semula bahagian - bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri bagi Negeri-negeri Tanah Melayu dan Sabah ialah pada 21 Mac 2003. Ini berdasarkan kepada peruntukan Perkara 113 (10) Perlembagaan Persekutuan iaitu pada tarikh laporan dikemukakan kepada Perdana Menteri. Mengikut peruntukan Perkara 113 (2) (ii) Perlembagaan Persekutuan, SPR boleh mengulangkaji sempadan bahagian bahagian pilihan raya selepas 8 tahun dari tarikh selesainya proses persempadanan sebelum ini. Berdasarkan kepada peruntukan tersebut, SPR boleh menjalankan semula urusan persempadanan yang baru selepas 21 Mac 2011.

Bagi negeri Sarawak, urusan persempadanan bahagian pilihan raya negeri yang terakhir ialah pada 10 Jun 2005 dan mengikut peruntukan Perkara 113 (2) (ii) Perlembagaan Persekutuan, urusan persempadanan semula bagi negeri Sarawak hanya boleh dilakukan selepas 10 Jun 2013 yang lepas.

Dalam melaksanakan urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya tersebut, SPR akan melihat keseluruhan persempadanan di seluruh Negara termasuklah di negeri-negeri yang tiada perubahan bahagian-bahagian pilihan raya dalam urusan persempadanan sebelum ini. Perkara yang diambil kira

dalam membahagikan mana-mana unit kajian semula kepada bahagian-bahagian pilihan raya adalah berdasarkan kepada penetapan dan prinsip yang diperuntukkan di bawah Jadual Ketiga Belas, Bahagian I dan II, Perlembagaan Persekutuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kerusi tambahan sama ada di Parlimen atau DUN dan negeri yang terlibat dengan penambahan kerusi akan diketahui oleh semua pihak apabila SPR mempamerkan selama sebulan cadangan persempadanan untuk semakan dan rayuan yang akan dibuat oleh pihak-pihak yang berkecualan.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan mempersempadankan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri adalah berlandaskan kepada prinsip-prinsip persempadanan dan tatacara persempadanan yang ditetapkan di bawah Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang diperuntukkan di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan, prinsip-prinsip persempadanan adalah seperti berikut:

- i. Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak melanggar sempadan negeri;
- ii. Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihanraya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
- iii. Jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesuatu Negeri kecuali apabila terdapat

kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan;

- iv. Mengekalkan perhubungan masyarakat tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR]**  
**TARIKH** : **9 APRIL 2014 (RABU)**  
**SOALAN** : **Ir. Shaharuddin bin Ismail** meminta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jenis bantuan sara hidup yang telah dirangka dan akan dilaksanakan dalam masa terdekat oleh pihak Kementerian bagi membantu golongan pesawah padi ekoran peningkatan kos sara hidup yang tinggi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai bentuk bantuan melalui pemberian pelbagai subsidi dan insentif dalam usaha membantu petani menangani kos sara hidup yang tinggi. Pada tahun 2014, Kerajaan memperuntukkan RM2.201 bilion bagi pemberian bantuan dalam bentuk subsidi dan insentif di bawah industri padi dan beras Negara. Bagi sub-sektor padi, bantuan yang diberikan kepada petani adalah seperti berikut:

i. **Skim Subsidi Harga Padi (SSHP)**

Kadar yang diberikan adalah RM248.10 bagi 1 tan metrik berat bersih padi yang dijadualkan di kilang-kilang yang berdaftar dengan BERNAS.

ii. **Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP)**

Di bawah skim ini, pesawah diberi baja sebatian pada kadar 240kg/hektar (12 beg @ 20kg/beg) dan baja urea pada kadar 80kg/hektar (4 beg @ 20kg/beg).

iii. **Subsidi Harga Beras**

Program Subsidi Harga Beras dilaksanakan bagi membolehkan beras Super Tempatan 15% (ST15) atau Beras Nasional dikeluarkan dan dijual pada harga yang dikawal iaitu di antara RM1.65 hingga RM1.80 per kilogram (mengikut zon) bagi membantu golongan yang berpendapatan rendah mendapatkan bekalan beras pada harga murah bagi keperluan harian.

**iv. Insentif Peningkatan Hasil (IPH)**

Kadar insentif ialah sebanyak RM650 per tan metrik diberikan kepada pesawah berdaftar yang mencapai sekurang-kurangnya 1% peningkatan hasil tan metrik tambahan.

**v. Insentif Benih Padi Sah (IBPS)**

RM1.03 diberikan kepada pengeluar benih padi sah bagi setiap kilogram benih padi sah yang dikeluarkan.

**vi. Insentif Pengeluaran Padi (IPP)**

Bantuan baja tambahan pada kadar RM140 per hektar setiap musim dan bantuan upah bajak pada kadar RM100 per hektar setiap musim. Selain itu, bentuk bantuan lain yang turut diberikan adalah racun yang diberikan dalam bentuk kupon sebanyak RM200 per hektar setiap musim dan pengapuran dengan kadar RM970 per hektar setiap musim.

Justeru itu, pemberian bantuan subsidi kepada petani sedikit sebanyak dapat meningkatkan hasil pendapatan para petani disamping membantu pesawah ekoran peningkatan kos sara hidup pada masa kini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD**  
**[ KOTA RAJA]**  
**TARIKH : 9.04.2014 (RABU)**

**DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan pendirian Kementerian mengenai pengilangan, penjualan dan penggunaan tepung putih (*bleached flour*) kepada rakyat Malaysia.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

Pada masa ini, Kerajaan tidak menyekat pengilangan, penjualan dan penggunaan tepung putih (*bleaching flour*). Pada asasnya, pengilang gandum menghasilkan dua jenis tepung iaitu *bleached flour* dan *unbleached flour* (*Unbleach flour* berwarna sedikit kekuningan dan akan dibiarkan mengalami proses *bleaching* secara semulajadi. Manakala *bleached flour* akan menjalani proses *bleaching* menggunakan bahan-bahan agen bagi menghasilkan tepung yang lebih putih).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILSON UGAK KUMBONG  
[ HULU RAJANG ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2014**

**RUJUKAN : 6611**

**SOALAN:**

**Tuan Wilson Ugak Kumbong [ Hulu Rajang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah terdapat sebarang perancangan oleh pihak kementerian untuk membina balai polis serta menambahkan bilangan anggota polis di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi seperti di Sungai Asap.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada permohonan dikemukakan dalam *Rolling Plan* Empat (4<sup>th</sup> *Rolling Plan*) Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) bagi Cadangan Pembinaan Balai Polis Sungai Asap, Sarawak. Walau bagaimanapun, ianya akan dipertimbangkan untuk dilaksanakan berdasarkan kepada keperluan PDRM dan kemampuan kewangan Kerajaan.**

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK AZIZ  
[ PASIR MAS – PAS ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2014 (RABU)**

**SOALAN (NO. 69)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan pandangan berhubung cadangan pelaksanaan secara berkala ujian pernafasan untuk mengesan kandungan alkohol terhadap atlet negara.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Agensi Anti Doping Malaysia (ADAMAS) di bawah Kementerian Belia dan Sukan menyambut baik saranan ujian secara berkala untuk membendung kes-kes salah guna alkohol dan dadah di kalangan atlet Malaysia. Ujian alkohol ini akan dilaksanakan bermula di temasya Sukan Malaysia (SUKMA) bagi memastikan temasya sukan bebas daripada dadah dan alkohol.
2. Ujian alkohol yang bakal dilaksanakan ini akan berpandukan kepada "*International Standard of Testing*" (IST) dari World Anti Doping Agency (WADA) dengan kerjasama Jawatankuasa Perubatan SUKMA dan Penganjur SUKMA secara amnya.
3. Ujian ini juga akan dibuat secara rambang dan kumpulan sasaran utama adalah atlet dengan menggunakan Alat Ujian Pernafasan Alkohol (Breathalyzer). Jika atlet gagal atau "positif" ujian pernafasan alkohol ini (melebihi tahap yang dilarang), maka ADAMAS akan bertindak menghantar laporan tersebut kepada Jawatankuasa Pengurusan keputusan untuk menjatuhkan hukuman/tindakan disiplin.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK ROZMAN  
BIN ISLI  
(LABUAN)**

**TARIKH : 09.04. 2014**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah pihak Kementerian merancang untuk meletakkan beberapa jet pejuang di Labuan seperti dahulu sebagai sokongan kepada ESSCOM.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM) mempunyai rancangan untuk menempatkan skuadron pesawat pejuang di Pangkalan Udara (PU) Labuan. Aset pesawat pejuang yang berada di Semenanjung telah dan akan secara berkala meneruskan membuat tumpangan (*detachment*) ke PU Labuan untuk melaksanakan operasi-operasi di Malaysia Timur.**

**Pesawat pejuang yang beroperasi dari pangkalan ini boleh diatur gerak ke mana-mana bahagian di Sabah bagi membantu operasi *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM).**

**SOALAN NO. 71**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY  
(KAPAR)**

**TARIKH : 9 APRIL 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [ Kapar ] minta MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
menyatakan :-**

**(a) statistik tentang situasi kemiskinan dalam negara dalam tempoh 10  
tahun dari tahun 2003 sehingga kini; dan**

(b) langkah-langkah jangka masa pendek dan jangka masa panjang bagi menangani kemelut golongan berpendapatan rendah, khususnya golongan bekerja yang miskin (*working poor*), memandangkan golongan tersebut senantiasa terpinggir dalam isu kemiskinan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Data kadar kemiskinan diperolehi daripada kajian Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) yang dijalankan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri. Bagi tempoh 2002 hingga 2012, EPU telah menjalankan 5 banciaan HIS.

Hasil banciaan menunjukkan kadar insiden kemiskinan pada tahun 2002 ialah 6.0. Kadar ini menurun kepada 5.7 (tahun 2004) dan 3.6 (tahun 2007). Walau bagaimanapun, kadar ini meningkat kepada 3.8 pada tahun 2009 sebelum menurun kepada 1.7 pada tahun 2012.

Pihak EPU merancang untuk mengadakan satu lagi banciaan HIS pada tahun 2014.

(b) Pihak Kerajaan amat prihatin akan cabaran yang dihadapi oleh golongan yang memerlukan. Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan pelbagai skim bantuan kebajikan kepada kumpulan sasar yang memerlukan, termasuk golongan bekerja yang miskin supaya mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih sempurna.

Sebagai langkah jangka pendek, bantuan kewangan bulanan disediakan oleh pihak JKJ seperti berikut:

1. Bantuan Kanak-kanak, dengan kadar RM100 hingga RM450 sebulan dipertimbangkan kepada keluarga miskin atau keluarga ibu atau bapa tunggal yang sedang memberi jagaan anak-anak;
2. Elaun Pekerja Cacat, dengan kadar RM300 sebulan dipertimbangkan kepada Orang Kurang Upaya yang sedang bekerja tetapi pendapatannya masih rendah iaitu kurang

daripada RM1,200 sebulan, sebagai elaun insentif supaya mereka terus bekerja;

3. Bantuan Am, dengan kadar RM80 hingga RM350 sebulan dipertimbangkan kepada keluarga miskin dan kumpulan sasar yang tidak diliputi oleh Bantuan Kewangan Persekutuan yang lain;
4. Bantuan Latihan Perantis, dengan kadar RM200 sebulan dipertimbangkan kepada kumpulan sasar JKM yang bersedia untuk mengikuti latihan kemahiran atau penempatan kerja bagi menambahkan kemahiran dalam sesuatu bidang; dan
5. Bantuan Geran Pelancaran, dengan kadar maksimum RM2,700 sekaligus dipertimbangkan kepada kumpulan sasar JKM bagi memulakan projek atau pekerjaan yang boleh mendatangkan pendapatan ke arah berdikari dan tidak bergantung kepada bantuan bulanan selama-lamanya.

Berhubung langkah jangka panjang, Kementerian memberi tumpuan kepada pendekatan *productive welfare* bagi membantu para penerima bantuan kebajikan keluar daripada kepompong kemiskinan. Antara program yang diperkenalkan ialah program 1AZAM yang telah mencatatkan penyertaan sejumlah 140,296 orang di seluruh negara dari tahun 2010 hingga 2013. Program ini menyediakan peluang menjana pendapatan kepada rakyat berpendapatan rendah termasuk penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang produktif agar mereka dapat hidup berdikari dan tidak berterusan bergantung kepada pemberian bantuan kebajikan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD  
[LANGKAWI ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**YB. Dato' Ir. Haji Nawawi Bin Ahmad (LANGKAWI)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah ada perancangan Kementerian untuk membina laluan terus Lebuhraya Utara Selatan daripada Plaza Tol Juru ke Sungai Dua, Pulau Pinang tanpa ada gangguan masuk keluar kenderaan dari kawasan tersebut seperti yang telah dinaik taraf dari Plaza Tol Jelapang, Perak melalui Ipoh, Perak.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, cadangan projek Lebuhraya Pintas Sungai Dua - Juru (Juru Bypass) telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri untuk dilaksanakan secara penswastaaan (*Public Private Partnership* - PPP) dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh. Projek Juru Bypass ini merupakan alternatif kepada jajaran Lebuhraya Utara Selatan yang mengalami kesesakan khususnya jajaran dari Sungai Dua ke Juru di Pulau Pinang pada masa ini.

Memandangkan jajaran projek Juru Bypass ini adalah selari dengan Lebuhraya Utara Selatan dan mungkin akan memberi kesan kepada jumlah trafik di Lebuhraya Utara Selatan, Kerajaan telah bersetuju supaya kajian terperinci dari segi teknikal dan daya maju cadangan projek dilaksanakan sebelum sebarang pertimbangan diberikan terhadap cadangan berkenaan. Selain daripada itu, pertimbangan terhadap cadangan projek ini juga berdasarkan kepada penilaian kewangan dan teknikal oleh agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan serta pelaksanaannya adalah tertakluk kepada keputusan Jemaah Menteri setelah kajian terperinci dibuat.

Pada masa ini, projek Juru Bypass masih di peringkat kajian dan perjanjian konsesi berhubung pelaksanaan projek secara penswastaaan juga belum ditandatangani dengan mana-mana pihak. Pada peringkat ini, adalah terlalu awal (*premature* – dengan izin) bagi pihak Kerajaan untuk memberi sebarang maklum balas berhubung perincian cadangan projek berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN  
HAMZAH [JASIN]**

**TARIKH : 9 APRIL 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB Datuk Haji Ahmad bin Hamzah [JASIN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah menghadapi tahun 2014 yang digambarkan sebagai tahun mencabar dengan peningkatan kos sara hidup, kemerosotan standard kehidupan, peningkatan pengangguran, kawalan persekitaran kredit serta aktiviti ekonomi sebenar yang semakin perlahan.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Jasin, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara pada harga semasa telah meningkat sebanyak 27.9 peratus antara tahun 2008 dan 2013 atau sebanyak 4.2 peratus setahun. Pendapatan negara kasar (PNK) per kapita pada harga semasa pula meningkat sebanyak 17.0 peratus daripada RM27,094 pada tahun 2008 kepada RM31,697 pada tahun 2013 atau sebanyak 3.2 peratus setahun. Bagi pendapatan kasar bulanan isi rumah purata, peningkatan sebanyak 35.6 peratus daripada RM3,686 sebulan pada tahun 2007 kepada RM5,000 sebulan pada tahun 2012<sup>1</sup> telah dicatatkan dengan kadar pertumbuhan sebanyak 6 peratus setahun.

Dari segi pampasan pekerja yang diukur dari segi peratusan kepada KDNK, meningkat daripada 29.3 peratus pada tahun 2008 kepada 32.9 peratus pada tahun 2012. Menurut Kajian yang dijalankan oleh Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia iaitu Malaysia Employers Federation Salary Survey 2013 pula, gaji pekerja dalam kategori eksekutif meningkat sebanyak 6.3 peratus manakala gaji pekerja dalam kategori bukan eksekutif meningkat sebanyak 6.7 peratus berbanding tahun sebelumnya. Sehubungan ini, ingin saya nyatakan bahawa kesemua petunjuk ini telah membuktikan bahawa kenaikan dari segi gaji dan pendapatan adalah lebih tinggi daripada kadar inflasi yang meningkat 2.1 peratus pada tahun 2013. Justeru, dapat

---

<sup>1</sup> Berdasarkan Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2012 yang terkini.

dirumuskan bahawa rakyat turut sama menikmati manfaat hasil daripada kemajuan dan kemakmuran ekonomi negara.

Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan data yang dinyatakan, prestasi ekonomi dan pendapatan isi rumah dilihat telah bertambah baik sejak tahun 2008. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedar bahawa prestasi ekonomi yang bertambah baik dengan peningkatan pendapatan isi rumah itu bukanlah jaminan mutlak kepada kesejahteraan rakyat. Kerajaan mengambil berat akan kebimbangan dan cabaran yang dihadapi rakyat pada tahun 2014 ini terutamanya isu kenaikan kos sara hidup yang memberi impak kepada kesejahteraan rakyat.

Sehubungan itu, Kerajaan akan terus bersama-sama rakyat dalam menangani isu tersebut dengan melaksana dan menambahbaik program-program sedia ada dengan disokong oleh pelaksanaan beberapa langkah tambahan yang berkaitan. Ini termasuklah meluaskan pemberian tunai melalui program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), membuka lebih banyak pasar tani supaya rakyat boleh menikmati harga produk makanan dan keperluan asas lain pada harga yang berpatutan berikutan tiadanya penglibatan orang tengah, serta memperbanyakkan lagi Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M).

Tuan Yang di-Pertua,

Penekanan turut diberi kepada program-program meningkatkan pendapatan, antaranya Program Azam 1Malaysia sebagai platform peluang ekonomi kepada isi rumah berpendapatan rendah, program

latihan keusahawanan kepada usahawan wanita dan program penawaran pinjaman mikro-kredit dan latihan sebagai peniaga kecil oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

Kerajaan telah menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 bagi memastikan rakyat tidak terbeban dengan penetapan harga barangan yang tidak munasabah.

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam memastikan persekitaran kredit yang lebih terkawal, Bank Negara Malaysia telah menetapkan pendapatan bersih sebagai syarat tambahan bagi memohon pinjaman perumahan dan kenderaan mulai Julai 2013. Kawalan ini turut bertujuan mengurangkan kadar hutang isi rumah negara serta mengelakkan peningkatan kadar kebangkrutan di Malaysia.

Di samping itu, dianggarkan sebanyak 360 ribu peluang pekerjaan akan diwujudkan pada tahun 2014 melibatkan sektor utama seperti perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan. Kadar pengangguran pada tahun 2014 pula dianggarkan kekal pada paras 3.1 peratus.

Peranan rakyat sebagai pengguna juga amat penting bagi mengurangkan kesan peningkatan kos sara hidup antaranya dengan menyalurkan aduan kepada Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) bagi kes peniaga menaikkan harga yang keterlaluan, beralih kepada peniaga yang mengenakan harga berpatutan serta membeli secara pukal atau borong bagi mendapatkan harga yang lebih rendah.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO. 74**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN  
[ GERIK ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ] minta MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
menyatakan maksud 1Malaysia Komuniti PERWANI serta apa  
keuntungannya untuk masyarakat di Malaysia.**

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa komited untuk menggerakkan agenda pembangunan dan pemerksaan wanita agar mereka dapat menyumbang dengan lebih aktif kepada pertumbuhan ekonomi, meningkatkan produktiviti dan menikmati taraf kehidupan yang lebih baik. Kerajaan juga akan terus memberi sokongan dan penghargaan terhadap segala usaha KPWKM dalam memartabatkan dan memperkasa kaum Hawa.

Penubuhan 1Malaysia Komuniti PERWANI (PERWANI) telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa majlis pelancaran *1Million Women Purple Walk* di Putrajaya pada 17 Mac 2013. PERWANI merupakan satu inisiatif di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan yang bertindak sebagai agen transformasi komuniti.

Dalam memastikan agenda transformasi negara berjalan lancar, peranan wanita yang menjadi tulang belakang pembangunan negara dan keharmonian negara selama ini tidak boleh dinafikan. Sehubungan itu, PERWANI ditubuhkan bagi mempromosi kesejahteraan masyarakat melalui program atau aktiviti yang memberi faedah kepada anggota masyarakat setempat.

Antara aktiviti pembangunan masyarakat dan pemerksaan ekonomi yang bakal dilaksanakan oleh PERWANI ialah literasi undang-undang, penjagaan kesihatan dan kebajikan keluarga, dan peningkatan kemahiran serta keusahawanan. Selain itu, PERWANI bertindak sebagai penghubung masyarakat dengan pihak berkuasa bagi melaporkan atau memberi maklum balas berhubung sebarang prasarana atau kemudahan awam yang memerlukan perhatian atau penambahbaikan.

Dalam hal ini, KPWKM menyasarkan penubuhan sebanyak 100,000 kumpulan PERWANI pada penghujung tahun 2015. Setiap kumpulan PERWANI ini terdiri daripada 10 hingga 20 orang ahli wanita.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN  
ABDUL AZIZ [RAUB]**

**TARIKH JAWAPAN : 9 APRIL 2014 (RABU)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan

:-

- (a) mengapa penebangan kawasan hutan sekitar Hutan Lipur Lentang di Pahang sangat luas memandangkan ianya hanya pembinaan laluan '*high voltage pylons*' oleh TNB dari Bentong ke Lenggeng ; dan
- (b) boleh Kementerian terangkan mengapa projek ini tidak ada disediakan EIA Report.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Bagi mempertingkatkan sistem penghantaran bekalan elektrik supaya lebih berdaya harap, cekap dan berkualiti, pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan melaksanakan 2 buah projek infrastruktur iaitu talian penghantaran 500kV dari Bentong South ke Lenggeng dan juga talian 275kV dari Bentong South ke Ampang East yang melalui kawasan Hutan Lipur Lentang, Pahang. Apabila projek ini siap pada tahun 2017, rangkaian talian penghantaran ini akan menjadi sebahagian daripada Sistem Grid Nasional.

2. Adalah menjadi kelaziman dalam perancangan projek sedemikian dan demi memastikan keselamatan pemasangan TNB yang melalui kawasan hutan, kawasan rentis selebar 95 meter diperlukan bagi kedua-dua talian tersebut.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

3. Secara dasarnya, Laporan Penilaian Alam Sekitar atau *Environmental Impact Assesment* (EIA), dengan izin tidak diperlukan bagi projek talian penghantaran. Namun demikian, demi menyokong inisiatif hijau serta pemuliharaan alam sekitar agar ia seimbang dengan keperluan pembangunan negara, pihak TNB sentiasa berhubung rapat dengan Jabatan Alam Sekitar bagi mengambil langkah-langkah sepatutnya dalam menjaga kelestarian hutan dan alam sekitar. Kementerian juga akan memastikan pihak TNB menepati syarat-syarat yang dikenakan oleh Jabatan Perhutanan bagi penggunaan rizab hutan di kawasan terlibat.

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN  
[ KOTA BHARU ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2014**

**RUJUKAN : 6615**

**SOALAN:**

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah tangkapan dan pendakwaan dibuat di bawah Akta Pencegahan Jenayah (POCA) sejak ia dipinda pada tahun 2013 sehingga sekarang.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Akta Pencegahan Jenayah (POCA) bukanlah merupakan sebuah Undang-undang yang baru. POCA telah digubal pada 1959 dan masih terpakai sehingga ke hari ini. Walau bagaimanapun, POCA yang asal telah dipinda pada tahun 2013 namun, pindaan POCA ini masih dalam proses untuk pewartaan sementara menunggu pelantikan Lembaga Pencegahan Jenayah oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong selesai dilaksanakan. Oleh yang demikian, bagi menangani kegiatan kongsi gelap serta peningkatan kes-kes jenayah yang berleluasa, maka pihak PDRM telah mengambil tindakan bermula pada 22 Ogos 2013 di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 yang sedia ada. Sehingga akhir bulan Februari 2014 terdapat seramai 92 orang telah dikenakan Perintah Pengawasan Polis di bawah akta ini.**